PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2010

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku pertama

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.1% pada suku pertama 2010, didorong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pertumbuhan permintaan dalam negeri disokong oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan perbelanjaan sektor awam yang mapan. Permintaan luar negeri yang kukuh terus menjadi pendorong kepada pertumbuhan dalam negeri melalui kesan limpahan terhadap pengeluaran, guna tenaga dan sentimen secara keseluruhan. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang positif pada suku tersebut, terutamanya pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pertumbuhan kukuh pada suku tahun pertama
(pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku pertama, permintaan dalam negeri telah berkembang sebanyak 5.4% (S4 09: 2.8%) disebabkan terutamanya oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan perbelanjaan awam yang mapan. Perbelanjaan penggunaan swasta meningkat sebanyak 5.1% (S4 09: 1.6%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dalam keadaan persekitaran inflasi yang rendah dan sentimen pengguna yang lebih baik. Sektor awam terus menjadi pendorong kepada pertumbuhan, dengan perbelanjaan penggunaan sektor awam mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3% pada suku tersebut, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Pembentukan modal tetap kasar terus mencatat momentum pertumbuhan yang positif sebanyak 5.4% (S4 09: 8.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang mapan dan pemulihan yang sederhana dalam aktiviti perbelanjaan perniagaan sektor swasta. Aktiviti pelaburan sektor swasta memperoleh manfaat daripada peningkatan yang ketara dalam pengeluaran dan permintaan luar negeri, yang mendorong kepada peningkatan penggunaan kapasiti dan sentimen perniagaan. Perbelanjaan modal sektor awam terus menyokong ekonomi dalam negeri dengan sejumlah besar perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada sektor pendidikan, pengangkutan, dan pertanian serta pembangunan luar bandar.

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif pada suku pertama, terutama pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Momentum pemulihan dalam sektor perkilangan terus bertambah baik, dengan sektor tersebut mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.9% (S4 09: 5.0%). Sektor perkhidmatan juga mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.5% (S4 09: 5.2%), dengan prestasi yang lebih baik merentas kesemua subsektor. Sektor pertanian terus berkembang, disokong terutamanya oleh pengeluaran getah yang kukuh dalam keadaan harga yang lebih tinggi. Sektor pembinaan terus berkembang dengan kukuh sebanyak 8.7% pada suku pertama (S4 09: 9.3%), disokong oleh pelaksanaan projek berkaitan aktiviti pembinaan di bawah pakej rangsangan fiskal kedua dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sektor perlombongan

kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.1% (S4 09: -2.8%), yang sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pengeluaran gas asli.

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar tahunan 1.3% pada suku pertama (S4 09: -0.2%). Peningkatan harga pengguna disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (S1 10: 1.4%; S4 09: 0.9%).

Dalam sektor luaran, lebihan dagangan meningkat kepada RM39 bilion pada suku pertama (S4 09: RM32.4 bilion). Eksport dan import kasar meningkat dengan nyata masing-masing sebanyak 30.8% dan 35.1% (S4 09: masing-masing 5.1% dan 6.7%), berikutan keadaan global yang bertambah baik dan permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh. Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam eksport mencerminkan terutamanya permintaan yang tinggi terhadap keluaran E&E, khususnya dari negara-negara serantau, dan pemulihan yang ketara dalam eksport komoditi. Sementara itu, peningkatan yang besar dalam import kasar didorong oleh peningkatan yang mendadak dalam import barangan pengantara (37.9%; S4 09: 0.1%), sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti sektor perkilangan. Selain itu, import barangan modal dan penggunaan turut mencatat pertumbuhan yang positif, mencerminkan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh.

Pada asas tunai, aliran masuk FDI terus menyeluruh manakala pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih pada suku pertama. Aliran masuk kasar pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI)[1] berjumlah RM4.6 bilion pada suku pertama (S4 09: RM10.1 bilion), yang disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perkhidmatan serta minyak dan gas. Sementara itu, pelaburan langsung luar negeri bersih oleh syarikat-syarikat Malaysia adalah lebih rendah pada RM2.3 bilion (S4 09: -RM5.2 bilion), berikutan pinjaman bersih antara syarikat yang diberikan kepada anak syarikat di luar negeri dan aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah. Sebahagian besar pelaburan ini dilakukan oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan telekomunikasi. Pelaburan portfolio kembali mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM3.9 bilion (S4 09: -RM2.6 bilion), terutamanya dalam pasaran hutang dalam negeri. Aliran masuk tersebut mencerminkan sentimen pelabur yang bertambah baik disebabkan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih kukuh .

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM311.7 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Mac 2010 dan RM313.9 bilion (bersamaan dengan USD96 bilion) pada 30 April 2010. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada 4 Mac 2010. Pelarasan tersebut mencerminkan perubahan dalam prospek ekonomi serta keperluan untuk mengembalikan keadaan monetari pada paras yang wajar bagi membendung peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang akan menjejaskan pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia yang mampan. Walau bagaimanapun, pendirian dasar monetari secara keseluruhan terus menyokong pertumbuhan.

Berikutan kenaikan OPR tersebut, kadar antara bank semalaman purata diniagakan lebih tinggi dan kadar antara bank bagi kesemua tempoh matang turut meningkat. Dari segi kadar pinjaman, kedua-dua kadar pinjaman

[1] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

asas purata dan kadar pinjaman purata telah dinaikkan. Walaupun kadar faedah dinaikkan, kadar pinjaman runcit kekal pada paras hampir terendah dalam sejarah. Kadar deposit tetap purata juga meningkat.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi berikutan sistem perbankan yang teguh dan pasaran modal yang berfungsi dengan baik, serta ketersediaan mudah tunai yang mencukupi. Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah mapan pada RM190.2 bilion pada suku pertama. Paras pembiayaan kasar yang tinggi itu disebabkan oleh jumlah pemberian pinjaman yang stabil. Pembiayaan kepada kedua-dua sektor perniagaan dan sektor isi rumah berkembang pada kadar yang lebih tinggi pada suku pertama.

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal oleh kedua-dua sektor awam dan swasta berjumlah RM22.6 bilion pada suku pertama (S4 09 :RM29.6 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam. Bagi sektor swasta, aktiviti perolehan dana adalah terutamanya melalui pasaran ekuiti.

Agregat monetari terus meningkat pada kadar yang stabil pada suku pertama. Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 8.7% pada akhir bulan Mac 2010 (akhir bulan Disember 2009: 9.2%).

Pada suku pertama, ringgit menambah nilai sebanyak 4.6% berbanding dengan dolar AS, sejajar dengan keseluruhan mata wang serantau. Ini disebabkan terutamanya oleh sikap pelabur yang optimis terhadap prospek ekonomi serantau. Ringgit turut menambah nilai berbanding dengan euro (12.2%), paun sterling (11.5%), dan yen Jepun (5.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat 1.4% hingga 4.6%. Antara 1 April hingga 12 Mei 2010, ringgit terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.6%), euro (7.7%), paun sterling (2.8%) dan yen Jepun (0.8%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 0.4% hingga 2.1%.

Sektor kewangan terus berdaya tahan

Sektor perbankan terus berdaya tahan dengan penampan modal yang kukuh, kualiti aset yang stabil dan kedudukan mudah tunai yang teguh. Institusi kewangan terus mencatat keuntungan pada suku pertama 2010, disokong oleh permintaan yang lebih kukuh terhadap pembiayaan dan perlindungan insurans serta keadaan pasaran kewangan yang menggalakkan.

Pada akhir bulan Mac 2010, nisbah modal wajaran risiko dan nisbah modal teras sistem perbankan masing-masing kekal kukuh pada 14.9% dan 13.2%, dengan penampan modal yang bernilai lebih daripada RM60 bilion. Nisbah pinjaman tak berbayar bersih (termasuk pinjaman terjejas) stabil pada 1.8%. Peruntukan hutang ragu dan lapuk juga tinggi melebihi 90%. Mulai tahun kewangan 2010, laporan portfolio pembiayaan bank diselaraskan dengan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran. Pelaksanaan FRS 139 telah memberikan kesan yang agak menggalakkan terhadap laporan portfolio bank berikutan persediaan selama beberapa tahun untuk pelaksanaannya. Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan pada suku pertama adalah mapan, disokong oleh pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi daripada portfolio pembiayaan, yang menghasilkan pulangan ekuiti sebanyak 15.2% dan pulangan aset sebanyak 1.4% kepada bank-bank.

Industri insurans mengekalkan paras modal yang kukuh dengan Nisbah Kecukupan Modal sebanyak 241.9% (S4 09 : 230%). Permintaan yang kukuh daripada individu dan perniagaan untuk perlindungan insurans dalam persekitaran perniagaan yang lebih baik menyebabkan penanggung insurans dan pengendali takaful mencatat keuntungan sebanyak RM3.4 bilion.

Pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka berterusan pada masa hadapan

Pemulihan ekonomi global terus bertambah baik pada suku pertama, dengan prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh merentas

kebanyakan rantau, khususnya ekonomi-ekonomi di Asia. Aktiviti ekonomi dalam ekonomi maju terus kukuh dengan terdapatnya sokongan dasar yang berterusan, sistem kewangan yang stabil dan keyakinan perniagaan dan pengguna yang bertambah baik. Sementara itu, ekonomi-ekonomi serantau terus berkembang dengan kukuh pada suku pertama, disokong oleh permintaan dalam negeri yang mapan dan pertumbuhan eksport yang kukuh. Melangkah ke hadapan, masih terdapat ketidakpastian yang nyata disebabkan oleh masalah hutang kerajaan yang berterusan di Eropah dan sokongan yang berkurangan daripada rangsangan dasar. Meskipun wujudnya perkembangan-perkembangan ini yang berkemungkinan memberikan kesan ketidakstabilan terhadap pasaran kewangan, penilaian yang dibuat menunjukkan kesan daripada perkembangan ini terhadap ekonomi yang sedang pesat membangun adalah terhad.

Pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang kukuh dan menyeluruh pada suku pertama membuktikan bahawa pemulihan ekonomi Malaysia ternyata mapan. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka berterusan, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam dan luar negeri yang berterusan. Peningkatan permintaan dalam negeri dijangka disokong oleh keadaan guna tenaga yang menggalakkan, keyakinan pengguna dan perniagaan yang bertambah baik dan persekitaran dasar yang akomodatif, manakala permintaan luar negeri akan disokong oleh perdagangan serantau yang lebih kukuh dan peningkatan dalam kitaran E&E global.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2010

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global terus pulih walaupun pada kadar yang berbeza

Ekonomi global terus berkembang pada suku pertama 2010. Kebanyakan ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh, dengan ekonomi sedang pesat membangun di Asia menerajui pemulihan global. Aktiviti ekonomi yang meningkat dalam ekonomi tersebut adalah berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang lebih baik, yang telah mendorong kepada penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Keadaan dalam pasaran kewangan antarabangsa terus bertambah baik hasil sokongan dasar secara besar-besaran oleh pihak berkuasa selain toleransi terhadap risiko yang lebih tinggi oleh para pelabur. Tekanan inflasi yang sederhana mulai dirasai oleh kebanyakan ekonomi terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga tenaga dan makanan.

Di **Amerika Syarikat** (AS), KDNK benar mencatat pertumbuhan positif buat suku ketiga berturut-turut walaupun pada kadar tahunan yang lebih perlahan iaitu 3.2% pada suku pertama (S4 09: 5.6%). Pengembangan aktiviti ekonomi terhasil terutamanya daripada pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih kukuh berikutan prospek pekerjaan yang bertambah baik. Sektor guna tenaga mencatat pertambahan pekerjaan sebanyak 283,000 pada suku pertama (S4 09: -269,000). Selain itu, sektor isi rumah menunjukkan kesediaan yang lebih tinggi untuk berbelanja dengan mengeluarkan simpanan peribadi mereka. Pertumbuhan juga disokong oleh penambahan semula inventori sebagai tindak balas kepada permintaan yang semakin meningkat. Pelaburan tetap pula berkembang dengan sederhana memandangkan peningkatan pelaburan perniagaan yang kukuh dalam kelengkapan dan perisian telah mengimbangi penurunan pelaburan dalam sektor kediaman dan bukan kediaman. Perbelanjaan kerajaan menguncup 1.8% (S4 09: -1.3%) kerana terdapat penurunan yang lebih besar dalam perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan meskipun perbelanjaan persekutuan meningkat. Dari segi inflasi, inflasi keseluruhan meningkat 2.3% pada suku tersebut (S4 09: 1.4%), disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Ekonomi **Jepun** kekal pada landasan pemulihannya, disokong oleh peningkatan yang mapan dalam perdagangan dan penggunaan swasta. Eksport kembali pulih dan meningkat dengan kukuh sebanyak 43.2% pada suku pertama (S4 09: -5.8%). Ini merupakan kadar pengembangan paling pantas dalam tempoh lebih dari 30 tahun. Sebahagian besar daripada pertumbuhan kukuh ini disebabkan oleh permintaan yang memberangsangkan dari Asia, khususnya dari RR China. Di dalam negeri, penggunaan swasta terus pulih, disokong oleh pelbagai pindahan yang dibuat oleh kerajaan dan skim subsidi. Keadaan ini terus disokong oleh prospek pekerjaan yang lebih baik berikutan kadar pengangguran yang lebih rendah pada 4.9% (S4 09: 5.2%). Dari segi inflasi, tekanan deflasi semakin reda memandangkan harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) jatuh dengan lebih perlahan pada 1.2% (S4 09 : -1.7%) akibat harga tenaga yang lebih tinggi.

Ekonomi di **kawasan euro** terus beransur pulih hasil daripada sokongan kenaikan dalam permintaan luar. Ekonomi utama di kawasan euro seperti Jerman dan Perancis mencatat kenaikan eksport yang ketara. Pemulihan semula eksport, yang didorong oleh permintaan dari dalam rantau dan RR China turut menyokong peningkatan dalam pengeluaran perindustrian. Sebaliknya, pertumbuhan penggunaan swasta kekal sederhana memandangkan kesan daripada rangsangan fiskal semakin berkurang. Dari segi inflasi, harga pengguna meningkat 1.1% pada suku pertama (S4 09: 0.4%) disebabkan terutamanya oleh harga tenaga yang lebih tinggi. Sementara itu ekonomi **UK** mencatat pertumbuhan positif suku ke suku buat kali kedua berturut-turut sebanyak 0.2% pada suku pertama (S4 09: 0.4%). Pada asas tahunan, UK mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 0.3% (S4 09: -3.1%). Pertumbuhan yang bertambah

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009			2010	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	-6.4	5.6	-2.4	3.2[a]	Pertumbuhan disokong oleh penggunaan swasta, pelaburan dalam kelengkapan dan perisian dan penstokan semula inventori.
UK	-5.3	-3.1	-4.9	-0.3[p]	Penguncupan yang lebih kecil disebabkan oleh penambahbaikan dalam sektor perkhidmatan perniagaan dan sektor pengeluaran.

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

baik ini adalah menyeluruh, merentas semua sektor berikutan perbelanjaan pengguna yang lebih teguh dan eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, inflasi meningkat kepada 3.3% pada suku pertama (S4 09: 2.1%), disebabkan oleh penarikan balik pengurangan cukai nilai ditambah dan harga tenaga yang lebih tinggi.

Dengan pasaran kewangan antarabangsa telah kembali normal, bank pusat dalam kebanyakan ekonomi maju utama mula mengambil langkah memansuhkan beberapa program sokongan kuantitatif yang diperkenalkan semasa krisis. Di **AS**, walaupun kadar *fed funds* kekal antara 0 hingga 0.25%, **Federal Reserve** (Fed) menaikkan kadar diskaun sebanyak 25 mata asas kepada 0.75% pada 19 Februari. Langkah ini sebagai usaha untuk menjadikan kemudahan pemberian pinjaman kembali ke paras yang wajar. Selain itu, Fed juga menamatkan program pembelian sekuriti bersandar gadai janji agensi bernilai USD1.25 trilion dan hutang agensi sebanyak USD175 bilion pada akhir suku pertama. Di samping itu, pembelian pinjaman bersandar semua jenis gadai janji juga ditamatkan pada bulan Mac, kecuali sekuriti komersial bersandar gadai janji baru yang diterbitkan di bawah *Term Asset-Backed Securities Loan Facility* yang akan tamat pada 30 Jun 2010. Di kawasan euro, **European Central Bank** (ECB) memansuhkan secara beransur-ansur langkah mudah tunainya yang tidak lazim dengan menamatkan kadar tetap yang ditawarkan bagi pinjaman 6 bulan dan 3 bulan masing-masing pada bulan Mac dan April 2010. ECB juga mengulangi pendiriannya untuk menamatkan pembelian bon perlindungan bernilai €60 bilion menjelang bulan Jun 2010.

Bank of England (BoE) mengekalkan Kadar Bank rasminya pada 0.5% dan menetapkan saiz program pembelian aset pada £200 bilion. Berbeza pula di Jepun, ancaman deflasi yang berterusan di negara itu telah menyebabkan **Bank of Japan** (BoJ) menambah langkah sokongan kuantitatifnya pada 17 Mac dengan menggandakan saiz program kreditnya kepada ¥20 trilion daripada jumlah asal ¥10 trilion.

Sejak penghujung bulan April hingga awal Mei, masalah hutang kerajaan di Greece yang semakin buruk telah meningkatkan lagi risiko penularannya kepada ekonomi Eropah yang lain yang juga mempunyai kedudukan fiskal yang lemah berikutan pasaran kewangan global yang terus berhadapan dengan tekanan dan keadaan ketidakstabilan yang ketara. Sebagai tindak balas, pada 9 dan 10 Mei 2010, selaras dengan mekanisme penstabilan kewangan bersama EU-IMF berjumlah €750 bilion, ECB mengumumkan tiga langkah untuk mengembalikan keyakinan dalam pasaran kewangan. Pertama, ECB akan campur tangan dalam pasaran sekunder sekuriti hutang swasta dan awam bagi kawasan euro untuk memulihkan kembali fungsi pasaran yang terjejas. Kedua, ECB akan menyediakan mudah tunai kecemasan kepada bank dalam bentuk dana yang tidak terhad bagi operasi pemberian pinjaman tiga hingga enam bulan pada kadar tetap. Langkah ketiga, ECB akan mengaktifkan semula kemudahan swap dolar AS dengan Fed bersama-sama dengan BoJ, BoE, Bank of Canada dan Swiss National Bank bagi melegakan kekurangan dolar AS dalam pasaran.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2009			2010	Faktor penyumbang utama pertumbuhan S1
	S1	S4	Tahun	S1	
	Perubahan tahunan (%)				
Singapura	-9.4	4.0	-2.0	13.1[a]	Pemulihan kembali dalam sektor perkilangan terutamanya dalam sub-sektor elektrik dan elektronik dan farmaseutikal serta peningkatan dalam sektor perkhidmatan.
RR China	6.2	10.7	8.7	11.9	Pertumbuhan mantap dalam pelaburan aset tetap, terutamanya dalam perbelanjaan infrastruktur berkaitan dengan program rangsangan fiskal serta dalam pelaburan hartanah.
Korea	-4.3	6.0	0.2	7.8[a]	Penambahbaikan dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam pengeluaran peralatan elektrik dan elektronik.
Indonesia	4.5	5.4	4.5	5.7	Disokong oleh penggunaan swasta, eksport dan pelaburan.

[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pada suku pertama, **harga minyak mentah**[2] dunia menurun kepada USD71 setong pada 5 Februari, iaitu paras terendah dalam tempoh empat bulan. Harga yang lebih rendah ini adalah akibat jangkaan prospek pertumbuhan global yang lebih lemah berikutan pelaksanaan langkah kredit yang lebih ketat di China dan juga penambahan inventori. Trend harga bertukar arah pada penghujung suku tersebut apabila para pelabur kembali yakin bahawa pemulihan dalam permintaan global akan berterusan. Hasilnya harga minyak mentah dunia mencecah paras tertingginya dalam tempoh 18 bulan, iaitu pada USD82 setong pada akhir suku tersebut. Bagi suku pertama secara keseluruhan, harga minyak mentah purata ialah USD79 setong (S4 09: USD76 setong).

Di **rantau Asia**, kesemua ekonominya terus berkembang dengan kukuh pada suku pertama, didorong oleh permintaan dalam negeri yang mapan dan pertumbuhan eksport yang kukuh. Aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta di rantau tersebut terus kukuh kerana disokong oleh keadaan pasaran pekerja dan aktiviti pemberian pinjaman yang menggalakkan. Pertumbuhan eksport yang amat pantas adalah disebabkan oleh pengembangan yang berterusan dalam perdagangan dalam rantau selain permintaan dari ekonomi maju yang meningkat secara beransur-ansur, kitaran menaik bagi keluaran elektronik global serta kesan asas yang rendah. Ekonomi **RR China** berkembang pada kadar tahunan yang lebih pantas, iaitu 11.9% pada suku pertama (S4 09: 10.7%) hasil sokongan pengembangan pesat dalam pelaburan aset tetap yang didorong oleh perbelanjaan infrastruktur yang berkaitan dengan rangsangan fiskal serta pelaburan harta tanah. Ekonomi **Singapura** juga meningkat 13.1% pada suku pertama (S4 09: 4%), disebabkan terutamanya oleh pemulihan ketara dalam sektor perkilangan, khususnya subsektor elektrik dan elektronik serta farmasi, dan juga sektor perkhidmatan. Ekonomi **Korea** berkembang 7.8% pada suku pertama (S4 09: 6%) berikutan prestasi sektor perkilangan yang bertambah baik, khususnya pengeluaran kelengkapan elektrik dan elektronik. Ekonomi **Indonesia** pula mengembang sebanyak 5.7% pada suku pertama (S4 09: 5.4%) didorong oleh penggunaan swasta, eksport dan aktiviti pelaburan manakala perbelanjaan awamnya merosot buat kali pertama sejak suku ketiga 2005.

Dengan tekanan inflasi beransur-ansur meningkat, berpunca daripada harga makanan dan komoditi yang lebih tinggi serta prospek pertumbuhan yang kukuh, beberapa bank pusat di Asia telah menggiatkan usaha untuk mengembalikan kadar dasar ke paras yang wajar. **Reserve Bank of India** menaikkan kadar reponya sebanyak 25 mata asas setiap kali pada bulan Mac dan April kepada 5.25% bagi membendung kenaikan inflasi. Begitu juga dengan **Monetary Authority of Singapore** yang menyemak julat dasar kadar

[2] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

pertukarannya dan mengubah pendirian dasarnya kepada "penambahan nilai yang sederhana dan secara berperingkat" (modest and gradual) pada bulan April daripada pendirian "penambahan nilai kosong peratus" (zero percent appreciation) yang terdahulu. Walaupun kadar dasar utamanya dikekalkan, **People's Bank of China** memperketat peraturan berkaitan dengan nisbah pinjaman berbanding nilai (loan-to-value ratio) dan menaikkan keperluan rizab bagi bank dalam usaha untuk menyederhanakan pertumbuhan pemberian pinjaman oleh bank. Begitu juga dengan **Bangko Sentral ng Pilipinas** yang menaikkan kadar jangka pendek bagi kemudahan pemberian pinjaman di bawah jendela diskaun semula pada bulan Februari. Ini merupakan langkah pertama untuk memansuhkan tindakan penambahan mudah tunai yang diperkenalkan semasa krisis.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, euro dan paun sterling terus lemah berbanding dengan dolar sehingga mencecah paras terendah dalam tempoh 10 bulan. Ini mencerminkan kebimbangan pasaran terhadap ketidakpastian mengenai bantuan kewangan yang dicadangkan kepada Greece oleh ekonomi euro yang lain dan IMF. Tindakan menghindari risiko yang lebih ketara oleh para pelabur berikutan masalah hutang kerajaan telah menguntungkan yen apabila ia menambah nilai berbanding dengan dolar AS, khususnya pada dua bulan pertama suku tersebut. Kebanyakan mata wang serantau terus menambah nilai berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut berikutan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Asia.

Melangkah ke hadapan, masih terdapat ketidakpastian yang nyata disebabkan oleh masalah hutang kerajaan yang berterusan di Eropah dan sokongan yang berkurangan daripada rangsangan dasar. Meskipun wujudnya perkembangan-perkembangan ini yang berkemungkinan memberikan kesan ketidakstabilan terhadap pasaran kewangan, penilaian yang dibuat menunjukkan kesan daripada perkembangan ini terhadap ekonomi yang sedang pesat membangun adalah terhad.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan kukuh pada suku pertama

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.1% pada suku pertama 2010 (S4 09: 4.4%) hasil daripada permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan permintaan luar negeri yang lebih kukuh. Pengembangan seterusnya dalam permintaan dalam negeri telah disokong oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi dan perbelanjaan sektor awam yang mapan. Permintaan luar negeri yang lebih kukuh berikutan permintaan serantau yang lebih tinggi telah mendorong lagi pertumbuhan ekonomi melalui kesan limpahannya terhadap guna tenaga, pengeluaran dan sentimen secara keseluruhan. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang positif, terutamanya sektor perkilangan dan perkhidmatan yang mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 5.4% pada suku pertama (S4 09: 2.8%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan swasta yang lebih tinggi dan perbelanjaan sektor awam yang mapan. Pembentukan modal kasar tetap terus meningkat, disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang mapan dan pemulihan yang sederhana dalam pelaburan sektor swasta.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	3.1	2.8	-0.5	5.4
Penggunaan	-0.3	1.4	1.2	5.4
Sektor swasta	*-0.6*	*1.6*	*0.7*	*5.1*
Sektor awam	*1.6*	*0.7*	*3.1*	*6.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	*-11.2*	*8.2*	*-5.6*	*5.4*
Eksport Bersih	36.9	-4.7	5.0	-12.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-15.5*	*6.0*	*-10.4*	*19.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-23.0*	*7.0*	*-12.3*	*27.5*
KDNK	**-6.2**	**4.4**	**-1.7**	**10.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan swasta terus berkembang sebanyak 5.1% pada suku pertama (S4 09: 1.6%), disokong oleh pasaran pekerja yang bertambah baik dan inflasi yang rendah. Perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dicerminkan oleh peningkatan yang kukuh dalam penunjuk penggunaan utama termasuk perbelanjaan kad kredit, jualan kereta penumpang, upah dalam sektor perkilangan, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah dan import barangan penggunaan. Indeks Sentimen Pengguna MIER meningkat kepada 114.2 mata pada suku pertama (S4 09: 109.6 mata), disokong oleh jangkaan sektor isi rumah bahawa ekonomi dalam negeri akan bertambah baik.

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan 6.3% pada suku tersebut (S4 09: 0.7%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat 5.4% pada suku pertama (S4 09: 8.2%), disokong oleh perbelanjaan modal sektor awam yang mapan dan pemulihan sederhana dalam aktiviti pelaburan sektor swasta. Aktiviti pelaburan sektor swasta telah mendapat manfaat daripada peningkatan ketara pengeluaran dalam negeri dan eksport, yang seterusnya mendorong peningkatan dalam penggunaan kapasiti dan sentimen perniagaan. Penunjuk pelaburan utama seperti import barangan modal, jualan kenderaan perdagangan, pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan serta jualan bahan perkilangan berkaitan pembinaan yang berkembang, menandakan bahawa aktiviti perbelanjaan modal sektor swasta adalah bertambah baik. Sentimen perniagaan juga terus bertambah baik pada suku pertama, seperti dicerminkan oleh Indeks Keadaan Perniagaan MIER yang meningkat kepada 124 mata (S4 09: 118.8 mata). Sementara itu, perbelanjaan modal sektor awam terus

menyokong ekonomi dalam negeri, dengan sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan disalurkan kepada sektor pendidikan, pengangkutan dan pertanian serta pembangunan luar bandar.

Sentimen perniagaan dan pengguna bertambah baik



Sumber: MIER

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	-4.4	5.9	0.4	6.8
Perlombongan	-5.2	-2.8	-3.8	2.1
Perkilangan	-17.9	5.0	-9.4	16.9
Pembinaan	1.2	9.3	5.8	8.7
Perkhidmatan	-0.2	5.2	2.6	8.5
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**-6.2**	**4.4**	**-1.7**	**10.1**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**-7.6**	**2.0**	**-1.7**	**-2.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesemua sektor mencatat pertumbuhan positif

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan positif pada suku tersebut, diterajui oleh prestasi kukuh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Dalam kedua-dua sektor tersebut, kesemua kelompok dan subsektornya mencatat pertumbuhan yang kukuh berikutan keadaan permintaan dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Sektor pembinaan terus berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 8.7% pada suku itu (S4 09: 9.3%), disokong oleh pelaksanaan projek berkaitan pembinaan di bawah pakej rangsangan fiskal kedua dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sementara itu, pemulihan dalam sektor perlombongan sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan kukuh dalam pengeluaran gas asli. Sektor pertanian terus berkembang disokong terutamanya oleh pengeluaran getah yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran minyak sawit yang sederhana.

Pertumbuhan sektor perkhidmatan kukuh

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 8.5% pada suku pertama (S4 09: 5.2%). Pertumbuhan dalam hampir kesemua subsektornya lebih kukuh sejajar dengan keadaan permintaan dari dalam dan luar negeri yang bertambah baik. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan, dengan sumbangan sebanyak 4.9 mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK. Subsektor **kewangan dan insurans** meningkat 6.4% (S4 09: 10.5%), berikutan pengembangan berterusan dalam pemberian pinjaman oleh bank dan peningkatan yang menggalakkan daripada pendapatan berasaskan fi.

Pertumbuhan dalam segmen insurans adalah mapan hasil daripada pendapatan premium yang lebih tinggi. Sementara itu, subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada 14.2% (S4 09: 7.2%), disokong oleh aktiviti berkaitan pasaran modal yang kukuh dan urus niaga harta tanah yang lebih tinggi pada suku tersebut.

Pertumbuhan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit** juga lebih tinggi pada 9.6% (S4 09: 3.6%), disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan isi rumah yang bertambah baik, termasuk terhadap barangan tahan lama seperti kenderaan bermotor. Subsektor **komunikasi** terus meningkat lantaran permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan jalur lebar dan data mudah alih yang dirangsang oleh pakej kompetitif yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2009 (%)	2009			2010
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**43.6**	**-0.4**	**8.0**	**3.4**	**8.6**
Kewangan & insurans	20.4	1.9	10.5	5.1	6.4
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.4	-6.2	7.2	2.4	14.2
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	-4.0	2.6	-2.8	9.2
Komunikasi	7.2	4.9	7.1	6.0	6.8
Perkhidmatan Akhir	**56.4**	**0.0**	**3.3**	**2.0**	**8.5**
Perdagangan borong & runcit	23.2	-1.9	3.6	1.2	9.6
Utiliti	5.2	-8.1	9.1	0.4	16.6
Penginapan & restoran	4.3	2.1	2.2	2.8	4.9
Perkhidmatan Kerajaan	13.2	1.9	0.4	2.0	8.1
Perkhidmatan lain	10.5	5.1	4.2	4.4	4.4
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**-0.2**	**5.2**	**2.6**	**8.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2009				2010
	S4	S1	S2	S3	S4
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	78.9	105.8	105.4	109.6	114.2
Indeks Perdagangan Runcit MIER	52.3	76.3	100.7	111.0	106.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	78.1	75.8	88.7	114.1	120.5
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	2.2	4.7	12.4	9.5	1.4[1]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	-4.6	5.2	10.4	15.8	20.3
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	8.5	6.8	6.6	7.7	9.5
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	3.5	-1.8	-4.1	-1.1	4.9
Import barangan penggunaan	-4.3	-8.3	-4.4	6.3	18.5
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-8.1	-11.1	-3.5	17.6	22.7
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	-10.6	-6.4	-1.7	11.8	22.5

[1] Januari 2010

Sumber: Pelbagai sumber

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** mengembang dengan kukuh sebanyak 9.2% (S4 09: 2.6%), disebabkan oleh peningkatan yang nyata dalam aktiviti perdagangan yang seterusnya mendorong permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan berkaitan kargo. Pertumbuhan subsektor **utiliti** juga lebih kukuh, mencerminkan permintaan terhadap elektrik yang lebih tinggi daripada pengilang pada suku tersebut.

Pertumbuhan sektor perkilangan sangat kukuh

Momentum pemulihan dalam sektor perkilangan menjadi lebih kukuh pada suku pertama apabila sektor ini mencatat pertumbuhan yang sangat kukuh sebanyak 16.9% (S4 09: 5.0%). Pemulihan yang berterusan dalam sektor ini adalah menyeluruh, dengan kesemua kelompok mencatat pertumbuhan yang lebih baik sejajar dengan pengembangan permintaan luar dan dalam negeri.

Pertumbuhan **industri berorientasikan eksport** diterajui oleh kelompok E&E yang mencatat pertumbuhan yang sangat kukuh pada 37.2% (S4 09: 1.8%). Pertumbuhan ini khususnya didorong oleh permintaan serantau yang lebih tinggi terhadap separa konduktor dan keluaran audio visual. Sementara itu, pertumbuhan kelompok keluaran berkaitan sumber terus didorong oleh permintaan terhadap kimia dan keluaran getah.

Pertumbuhan dalam **industri berorientasikan dalam negeri** juga terus meningkat, didorong terutamanya oleh pengembangan yang kukuh dalam kelompok berkaitan pembinaan, khususnya industri logam yang direka. Pertumbuhan pengeluaran dalam kelompok keluaran berkaitan pengguna juga menggalakkan, khususnya kelengkapan pengangkutan disebabkan oleh pemulihan yang kukuh dalam jualan kenderaan bermotor dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan meningkat kepada 75% pada suku pertama (S4 09: 73%), mencerminkan tahap pengeluaran yang bertambah baik dalam sektor tersebut. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 77% dan 66% daripada jumlah kapasiti keseluruhan (S4 09: masing-masing 77% dan 59%).

Prestasi Sektor Perkilangan

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-17.9**	**5.0**	**-9.4**	**16.9**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**-18.8**	**4.4**	**-10.0**	**15.2**
Industri berorientasikan eksport	**-20.4**	**4.1**	**-11.1**	**14.6**
Kelompok elektronik dan barangan elektrik	**-35.4**	**1.8**	**-22.8**	**37.2**
Antaranya:				
Elektronik	-36.3	0.8	-24.6	25.5
Barangan elektrik	-33.2	4.0	-18.8	65.2
Kelompok barangan induk	**-10.8**	**5.5**	**-3.5**	**4.1**
Antaranya:				
Bahan kimia dan keluaran kimia	-17.6	19.5	-1.7	24.0
Keluaran petroleum	2.9	-6.9	-0.8	-22.1
Keluaran getah	-21.2	16.2	-3.0	36.1
Pemprosesan luar estet	-8.0	8.5	-2.1	4.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**-12.4**	**5.5**	**-5.7**	**17.6**
Kelompok barangan berkaitan pembinaan	**-21.3**	**2.5**	**-11.4**	**21.4**
Antaranya:				
Keluaran berkaitan pembinaan	-29.3	-2.5	-18.1	27.3
Keluaran logam yang direka	-7.6	10.1	-1.1	13.8
Kelompok barangan pengguna	**-5.4**	**7.8**	**-1.2**	**15.1**
Antaranya:				
Kelengkapan pengangkutan	-10.7	-8.3	-12.4	37.3
Makanan, minuman & keluaran tembakau	-4.8	12.0	1.5	1.8

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor komoditi lebih tinggi

Sektor pertanian berkembang sebanyak 6.8% pada suku pertama (S4 09: 5.9%), disokong terutamanya oleh pengeluaran tanaman industri yang lebih tinggi. Pengeluaran perhutanan dan aktiviti pembalakan yang meningkat mencerminkan pertambahan pengeluaran di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, kenaikan harga getah yang berterusan pada suku tersebut kepada paras tertinggi dalam sejarah yang sebahagiannya disebabkan oleh kebimbangan terhadap keadaan cuaca yang buruk telah menggalakkan lagi aktiviti penorehan khususnya dalam kalangan pekebun kecil. Hasilnya, pengeluaran getah adalah lebih tinggi. Pertumbuhan pengeluaran minyak sawit mentah bagaimanapun menjadi sederhana berikutan keadaan cuaca yang tidak begitu baik dan kegiatan penanaman semula pada tahun 2009. Pertumbuhan **sektor perlombongan** bertukar positif kepada 2.1% (S4 09: -2.8%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Prestasi Sektor Pertanian

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-4.4**	**5.9**	**0.4**	**6.8**
Tanaman Industri	**-13.9**	**5.4**	**-4.5**	**8.0**
Tanaman Makanan	**9.1**	**6.6**	**7.5**	**5.6**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak sawit mentah	-3.9	6.4	-1.0	1.9
Getah	-39.3	19.6	-20.2	30.1[1]
Ikan	13.2	0.6	6.7	4.4
Ternakan	0.2	13.0	7.6	-5.2

[1] Jan-Feb 2010

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**-5.2**	**-2.8**	**-3.8**	**2.1**
Pengeluaran				
Antaranya:				
Minyak mentah dan kondensat	-5.6	-5.0	-4.4	-2.5
Gas asli	-7.2	0.4	-4.0	8.8

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permit jualan dan pengiklanan baharu	-25.5	100.8	12.3	32.0
Kelulusan perumahan	-30.2	111.6	4.2	13.7
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	-21.3	2.5	-11.4	21.4
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	-48.2	14.6	-19.1	40.5
Import bahan pembinaan dan bahan galian	-20.5	11.1	-5.6	48.1[2]

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)
[2] Jan-Feb 2010

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor pembinaan terus mapan

Sektor pembinaan berkembang pada kadar yang kukuh sebanyak 8.7% pada suku tersebut (S4 09: 9.3%) disokong oleh pelaksanaan projek berkaitan permbinaan di bawah pakej rangsangan fiskal kedua dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Projek ini termasuk menaik taraf jalan raya, membaik pulih sekolah dan rumah kakitangan Kerajaan, projek landasan rel berkembar, jambatan kedua Pulau Pinang dan Terminal Tambang Murah (Low Cost Carrier Terminal, LCCT) baharu. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman juga mencerminkan pembinaan ruang pejabat dan runcit yang sedang dilaksanakan, khususnya di Lembah Klang. Sementara itu, subsektor kediaman terus berkembang disokong oleh sentimen pengguna yang lebih baik dan kadar faedah yang rendah.

Inflasi bertukar positif pada suku pertama

Kadar inflasi, seperti yang diukur melalui perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat pada kadar tahunan 1.3% pada suku pertama 2010 (S4 09: -0.2%). Peningkatan harga pengguna tersebut disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* (S1 10: 1.4%; S4 09: 0.9%). Kadar kenaikan harga dalam kategori *pengangkutan* bertukar daripada negatif kepada positif (S1 10: 0.7%; S4: -7.0%), berikutan luputnya kesan asas yang tinggi akibat pelarasan menaik harga runcit bahan api pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, kenaikan harga tersebut sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga dalam kategori *pakaian dan kasut* semasa jualan murah Tahun Baharu Cina.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)[3] meningkat kepada 6.4% pada kadar tahunan pada suku pertama 2010 (S4 09: 0.1%). Ini disebabkan terutamanya oleh kesan kenaikan harga sebanyak 18.4% dalam komponen berkaitan komoditi (S4 09: 0.3%). Harga bagi komponen IHPR bukan berkaitan komoditi juga meningkat sebanyak 3.2% (S4 09: 0.1%).

Dari segi komposisi, kedua-dua komponen IHPR tempatan dan diimport menyumbang kepada inflasi IHPR yang lebih tinggi. Harga bagi komponen IHPR tempatan naik sebanyak 8.4% (S4 09: -0.6%), manakala harga bagi komponen IHPR diimport meningkat sebanyak 2.2% (S4 09: 1.4%).

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku pertama disebabkan jumlah pemberhentian pekerja berkurang sebanyak 19.3% kepada 1,714 orang berbanding dengan suku sebelumnya. Meskipun sebahagian besar daripada jumlah pemberhentian pekerja terus berlaku dalam sektor perkilangan (37%), namun bilangan pemberhentian pekerja dalam sektor tersebut berkurang dengan ketara pada suku pertama (639 orang; S4 09: 1,354 orang)

Keadaan Pasaran Pekerja



* Mencerminkan pelarasan pemberhentian pekerja bagi S3 2008

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

berikutan prospek yang lebih menggalakkan bagi industri E&E. Pemberhentian pekerja dalam sektor perkhidmatan turut berkurang (362 orang; S4 09: 741 orang), terutamanya dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran.

Pada suku pertama, bilangan jawatan kosong yang dilaporkan melalui Portal JobsMalaysia kekal tinggi pada 450,042 jawatan (S4 09: 531,694), dengan peluang pekerjaan yang lebih banyak dalam sektor pertanian, perlombongan dan pembinaan. Sementara itu, upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan

[3] Indeks Harga Pengeluar (IHPR) telah diasaskan semula kepada tahun 2005 daripada tahun 2000, berikutan penyemakan terhadap kumpulan IHPR.

meningkat sebanyak 15.4% (S4 09: 5.9%), mencerminkan kesan daripada beberapa kenaikan gaji oleh beberapa majikan dan upah yang lebih tinggi berikutan waktu bekerja yang lebih lama untuk memenuhi pesanan pengeluaran yang meningkat.

Eksport dan import meningkat dengan nyata

Lebihan akaun perdagangan bertambah kepada RM39 bilion pada suku pertama (S4 09: RM32.4 bilion). Eksport dan import kasar meningkat dengan nyata, masing-masing sebanyak 30.8% dan 35.1% (S4 09: masing-masing 5.1% dan 6.7%), berikutan keadaan global yang bertambah baik dan permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh, dan sebahagiannya juga disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pertumbuhan yang lebih tinggi dalam **eksport kasar** mencerminkan peningkatan dalam semua segmen produk. Eksport perkilangan meningkat sebanyak 32.7% (S4 09: 11.8%), sebahagian besarnya didorong oleh eksport keluaran elektronik dan elektrik (E&E), terutamanya eksport separa konduktor ke rantau ini. Eksport keluaran bukan E&E juga terus berkembang, susulan harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan yang berterusan daripada negara-negara rantau Asia untuk keluaran berasaskan sumber. Eksport komoditi juga pulih untuk mencatat pertumbuhan dua angka yang disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta jumlah eksport yang lebih besar bagi pertanian serta mineral.

Peningkatan yang ketara dalam **import kasar** disebabkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam import barangan pengantara, serta pertambahan dalam import barangan pengguna dan import barangan modal yang berterusan. Import barangan pengantara mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 37.9% (S4 09: 0.1%), sejajar dengan pemulihan aktiviti perkilangan. Sementara itu, pertumbuhan positif dalam import barangan modal dan barangan penggunaan mencerminkan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh berikutan sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih baik.

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2009[1]		2010[1]	
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**-20.0**	**5.1**	**-16.6**	**30.8**
Perkilangan	-19.1	11.8	-12.5	32.7
E&E	*-19.1*	*17.2*	*-11.0*	*34.6*
Bukan E&E	*-19.0*	*4.7*	*-14.4*	*30.3*
Komoditi	-19.2	-14.2	-27.8	30.1
Pertanian	*-28.9*	*8.2*	*-21.6*	*52.2*
Mineral	*-11.1*	*-27.2*	*-32.6*	*15.6*
Import Kasar	**-29.0**	**6.7**	**-16.6**	**35.1**
Barangan modal	-7.8	17.4	-5.9	9.6
Barangan pengantara	-34.9	0.1	-21.6	37.9
Barangan penggunaan	-4.3	6.3	-2.7	18.5
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**32.7**	**32.4**	**118.4**	**39.0**

[1] Pengkelasan perdagangan Malaysia telah disemak pada bulan April 2008 untuk mencerminkan perubahan dalam kod perdagangan antarabangsa iaitu *Harmonised System (HS), ASEAN Harmonized Tariff Nomenclature (AHTN) dan Standard International Trade Classification (SITC)*

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2009			2010	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**-31.0**	**-7.4**	**-26.8**	**10.6**	**11.1**	**10.6**	**10.9**	**9.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**-28.0**	**0.9**	**-19.9**	**29.1**	**10.7**	**11.1**	**10.8**	**10.6**
Negara ASEAN terpilih[1]	**-26.8**	**11.7**	**-16.8**	**38.5**	**24.4**	**25.7**	**25.5**	**25.9**
Timur Laut Asia	**-5.9**	**42.4**	**-1.5**	**47.1**	**22.3**	**24.6**	**23.8**	**25.1**
Republik Rakyat China	*-1.8*	*61.0*	*6.4*	*67.9*	*10.2*	*12.8*	*12.2*	*13.1*
Hong Kong SAR	*3.5*	*37.8*	*1.9*	*36.8*	*4.7*	*5.2*	*5.2*	*4.9*
China Taipei	*-18.4*	*24.7*	*-11.1*	*50.8*	*2.4*	*2.6*	*2.6*	*2.8*
Korea	*-14.2*	*15.2*	*-18.5*	*12.5*	*5.0*	*4.0*	*3.8*	*4.3*
Asia Barat	**-12.7**	**-10.2**	**-18.0**	**17.0**	**3.7**	**3.4**	**3.9**	**3.3**
India	**-14.9**	**-27.6**	**-31.3**	**17.3**	**3.7**	**2.8**	**3.1**	**3.3**
Jumlah eksport	**-20.0**	**5.1**	**-16.6**	**30.8**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran masuk pelaburan langsung asing terus menyeluruh manakala pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI)[4] berjumlah RM4.6 bilion pada suku pertama (S4 09: RM10.1 bilion). Aliran masuk FDI terus disalurkan terutamanya kepada sektor perkilangan, perkhidmatan, serta minyak dan gas. FDI dalam sektor perkilangan adalah terutamanya bagi industri E&E dan petroleum serta petrokimia. Sementara itu, aliran masuk FDI dalam sektor perkhidmatan sebahagian besarnya tertumpu pada subsektor kewangan dan insurans serta subsektor pengangkutan dan komunikasi. **FDI bersih** mencatat aliran keluar sebanyak RM1.5 bilion (S4 09: +RM4.4 bilion) kerana pembayaran balik bersih pinjaman antara syarikat lebih daripada mengimbangi aliran masuk bersih modal ekuiti.

Pelaburan langsung bersih luar negeri (direct investment abroad, DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia berjumlah RM2.3 bilion pada suku pertama (S4 09: -RM5.2 bilion), disebabkan oleh pengeluaran pinjaman bersih antara syarikat yang lebih rendah diberikan kepada anak syarikat di luar negeri dan aliran keluar modal ekuiti yang lebih rendah. Sebahagian besar pelaburan ini dilakukan terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan telekomunikasi.

Sementara itu, **pelaburan portfolio** kembali mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM3.9 bilion pada suku pertama (S4 09: -RM2.6 billion). Aliran masuk dana portfolio itu sebahagian besarnya mencerminkan penyertaan asing yang lebih besar dalam pasaran hutang dalam negeri. Aliran masuk ini mencerminkan sentimen pelabur yang bertambah baik disebabkan oleh prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih kukuh.

Hutang luar negeri menurun

Pada akhir bulan Mac 2010, jumlah hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM218 bilion atau USD66 bilion (akhir Disember 09: RM233.1 bilion atau USD67.4 bilion), bersamaan dengan 30% daripada Pendapatan Negara Kasar (Gross National Income, GNI). **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** menurun kepada RM147.3 bilion, mencerminkan sebahagian besarnya pengukuhan ringgit berbanding dengan dolar AS pada suku pertama (+4.6%). Hutang jangka sederhana dan panjang yang lebih rendah juga

[4] Statistik bagi FDI pada asas tunai tidak mengambil kira perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

disebabkan oleh pembayaran balik bersih yang dicatat oleh sektor awam dan swasta. Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta terus mencatat pembayaran balik bersih. Terdapat juga penurunan ambilan pinjaman oleh Perbadanan Awam Bukan Kewangan, yang kembali mencatat pembayaran balik bersih yang kecil bagi suku pertama.

Pada akhir bulan Mac 2010, jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** menurun kepada RM70.8 bilion atau USD21.4 bilion. Hutang luar negeri jangka pendek hanya mencakupi 32.5% daripada jumlah hutang luar negeri dan 22.7% daripada rizab antarabangsa bersih.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2009		2010
	S1	S4	1Q[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	158.5	155.4	147.3
Sektor awam	84.0	85.4	80.9
Sektor swasta	74.4	70.0	66.4
Hutang jangka pendek[1]	88.1	77.8	70.8
Jumlah hutang luar negeri	246.6	233.1	218.0
bersamaan USD bilion	66.8	67.4	66.0

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM311.7 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Mac 2010. Paras rizab telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi kerugian penilaian semula pertukaran asing, berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan semua mata wang utama pada suku pertama. Pada 30 April 2010, kedudukan rizab berjumlah RM313.9 bilion (bersamaan dengan USD96 bilion), memadai untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal lebih besar disebabkan hasil lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak RM10.2 bilion atau 5.6% daripada KDNK pada suku pertama. Hasil menurun pada kadar tahunan 19.9%, disebabkan terutamanya oleh kesan asas lebih tinggi berikutan terdapat pendapatan pelaburan sekali yang diterima (one-off) pada suku pertama 2009. Dari segi perbelanjaan, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan masih ketara dan disalurkan terutamanya kepada sektor pendidikan, kesihatan dan pertahanan. Defisit fiskal dibiayai sepenuhnya daripada peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan Mac 2010, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM378.3 bilion atau 50.6% daripada anggaran KDNK tahun 2010.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	35.9	42.6	158.6	28.7
% pertumbuhan	28.3	-8.0	-0.7	-19.9
Perbelanjaan mengurus	34.4	46.2	157.1	31.9
% pertumbuhan	12.9	-5.4	2.3	-7.1
Akaun semasa	**1.5**	**-3.6**	**1.6**	**-3.2**
% daripada KDNK	***1.0***	***-2.0***	***0.2***	***-1.7***
Perbelanjaan pembangunan kasar	8.2	17.6	49.5	7.3
% pertumbuhan	55.4	9.5	15.6	-11.4
Imbangan keseluruhan	**-6.7**	**-20.9**	**-47.4**	**-10.2**
% daripada KDNK	***-4.3***	***-11.3***	***-7.0***	***-5.6***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan kasar	42.6	63.8	206.6	39.2
% pertumbuhan	*19.2*	*-1.7*	*5.2*	*-8.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	317.1	362.4	362.4	378.3
% daripada KDNK	*47.0*	*53.7*	*53.7*	*50.6*
Hutang dalam negeri	297.0	348.6	348.6	365.6
% daripada KDNK	*44.0*	*51.7*	*51.7*	*48.9*
Hutang luar negeri	20.2	13.8	13.8	12.7
% daripada KDNK	*3.0*	*2.0*	*2.0*	*1.7*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah dinaikkan sebagai tindak balas terhadap peningkatan OPR

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dinaikkan sebanyak 25 mata asas pada 4 Mac 2010. Pelarasan tersebut mencerminkan perubahan dalam prospek ekonomi serta keperluan untuk mengembalikan keadaan monetari pada paras yang wajar bagi membendung peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang akan menjejaskan pertumbuhan jangka panjang ekonomi Malaysia yang mapan. Walau bagaimanapun, pendirian dasar monetari secara keseluruhan terus menyokong pertumbuhan.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) diniagakan lebih tinggi pada suku pertama bagi mencerminkan kenaikan OPR. Pada tempoh 1 Januari – 28 Februari, AOIR bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga stabil pada tempoh ini. Antara 1 hingga 4 Mac 2010, AOIR diniagakan lebih rendah dan hampir mencecah kadar terendah koridor bagi OPR. Ini disebabkan terutamanya oleh minat luar biasa yang ditunjukkan oleh peserta pasaran terhadap simpanan semalaman dengan Bank sebelum mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari pada bulan Mac. Susulan kenaikan OPR daripada 2.00% kepada 2.25% pada 4 Mac, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman diniagakan lebih tinggi dalam julat 2.16% - 2.24% dari 5 hingga 30 Mac 2010. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut meningkat. Keadaan pasaran kekal teratur ketika institusi kewangan membuat pelarasan kepada paras kadar faedah baharu.

Kadar deposit runcit dilaraskan dengan cepat susulan kenaikan OPR. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 bulan bertambah sebanyak 25 mata asas, manakala kadar FD purata bagi tempoh pemegangan 12 bulan meningkat

Kadar Faedah

	2009		2010
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.00	2.00	2.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.00	1.99	2.18
1 bulan	2.06	2.07	2.35
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	5.53	5.51	5.76
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.16	4.83	4.96
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.04	2.03	2.28
12 bulan	2.52	2.50	2.67

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 17 mata asas. Oleh itu, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah pada julat yang lebih besar, iaitu masing-masing 2.25% dan 2.67% pada akhir bulan Mac.

Kadar pinjaman runcit turut dinaikkan. Pada akhir bulan Mac, kadar pinjaman asas purata bank perdagangan dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 5.76%, manakala kadar pinjaman purata bagi pinjaman terkumpul meningkat kepada 4.96%. Meskipun terdapat kenaikan dalam kadar faedah, kadar peminjaman runcit kekal pada paras hampir terendah dalam sejarah.

M3 terus meningkat

Agregat monetari terus meningkat dengan mapan pada suku pertama. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM0.3 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih pantas sebanyak 12.0% pada akhir bulan Mac 2010 (akhir bulan Disember 2009: 9.8%). Wang secara luas atau M3 berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan 8.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2009: 9.2%). Pada asas suku tahunan, M3 meningkat sebanyak RM15.1 bilion.

Kedua-dua faktor dalam dan luar negeri menyumbang kepada pertumbuhan M3 pada suku pertama. Dari segi luar negeri, aset asing bersih menyebabkan kesan pengembangan terhadap M3 setelah Malaysia terus mencatat aliran masuk asing bersih. Ini mencerminkan lebihan dagangan luar negeri dan aliran masuk portfolio yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada aliran masuk portfolio telah digunakan untuk membeli sekuriti Bank Negara Malaysia dan Kerajaan daripada sistem perbankan, seperti yang dicerminkan oleh penurunan dalam kategori *tuntutan bersih terhadap Kerajaan* dan *pengaruh lain*. Oleh itu, kesan bersih aliran masuk terhadap peningkatan wang secara luas adalah lebih kecil. Sementara itu, pembiayaan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta mencatat peningkatan lebih besar pada suku pertama, dan turut menyumbang kepada peningkatan dalam wang secara luas.

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu-Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**17.4**	**41.8**	**85.3**	**15.1**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	5.7	13.5	25.7	-2.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	5.3	20.0	51.6	16.9
Pinjaman	*4.5*	*15.4*	*47.2*	*20.0*
Sekuriti	*0.8*	*4.6*	*4.5*	*-3.1*
Aset asing bersih[1]	3.7	6.6	11.8	11.3
BNM	*-4.4*	*1.7*	*-3.4*	*1.3*
Sistem Perbankan	*8.1*	*4.8*	*15.1*	*10.0*
Pengaruh lain	2.7	1.7	-3.8	-11.1

[1]Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta terus kukuh

Keadaan pembiayaan terus menggalakkan aktiviti ekonomi, disokong oleh sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang berfungsi dengan baik, serta kos peminjaman yang agak rendah dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kukuh pada RM190.2 bilion pada suku pertama (S4 09: RM216.1 bilion, S1 09: RM157.4 bilion). Paras pembiayaan kasar yang tinggi sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang stabil. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 9.5% pada akhir bulan Mac (akhir tahun 2009: 8.5%).

Semua penunjuk pinjaman utama terus kukuh pada suku pertama. Meskipun permohonan dan kelulusan pinjaman menjadi sederhana pada bulan Februari disebabkan oleh hari bekerja yang lebih pendek berikutan musim perayaan Tahun Baharu Cina, namun, terdapat peningkatan semula yang ketara pada bulan Mac. Mencerminkan aktiviti ekonomi yang terus menggalakkan, permintaan pinjaman oleh sektor perniagaan kekal tinggi, dengan permohonan pinjaman terutamanya daripada sektor *pembinaan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel* dan sektor *perkilangan*. Sebahagian besar pinjaman adalah untuk membiayai keperluan modal kerja. Dengan pengeluaran pinjaman yang stabil, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat sebanyak RM4.7 bilion pada suku pertama (S4 2009: +RM4.9 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 4.7% pada akhir bulan Mac (akhir tahun 2009: 2.7%). Peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul adalah menyeluruh dalam semua sektor utama.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2009	S1 09	S4 09	S1 10	2009	S4 09	S1 10
Jumlah pembiayaan kasar	**738.0**	**157.4**	**216.1**	**190.2**	**7.2**	**29.3**	**20.8**
Pengeluaran pinjaman*	655.8	148.2	186.4	174.7	2.4	18.1	17.9
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	56.1	9.0	16.4	4.4	30.9	83.7	-50.8
Ekuiti	26.0	0.1	13.2	11.0	375.5	5,818.5	7,530.8
Jumlah terkumpul pembiayaan (A)+(B)	**83.5**	**7.8**	**30.4**	**18.5**	**8.5**	**8.5**	**9.5**
Sistem perbankan	57.2	8.7	19.8	19.4	7.3	7.3	8.5
Baki pinjaman (A)	*57.0*	*7.3*	*19.8*	*22.4*	*7.8*	*7.8*	*9.8*
Pemegangan PDS	*0.2*	*1.4*	*0.0*	*-3.0*	*0.4*	*0.4*	*-6.5*
PDS terkumpul (B)	26.5	0.5	10.6	-3.9	10.5	10.5	8.8
Memoranda							
PDS kasar (termasuk Cagamas)	58.6	9.3	16.4	4.7	20.4	106.8	-49.5

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2009	S1 09	S4 09	S1 10	2009	S1 08	S4 09	S1 10
Jumlah								
Permohonan pinjaman	518.7	107.5	138.6	130.0	9.3	-3.4	36.5	20.8
Kelulusan pinjaman	286.8	58.0	80.4	70.0	-1.5	-19.3	32.0	20.6
Pengeluaran pinjaman	655.8	148.2	186.4	174.7	2.4	-2.2	18.1	17.9
Bayaran balik pinjaman	593.8	138.0	161.8	154.9	4.5	-0.6	12.8	12.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	57.0	7.3	19.8	22.4	7.8	10.9	7.8	9.8
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	237.7	52.0	61.2	60.0	-2.8	-6.3	19.2	15.3
Kelulusan pinjaman	127.6	26.1	37.1	29.2	-13.8	-31.8	25.8	11.7
Pengeluaran pinjaman	439.3	100.9	125.8	117.3	-3.6	-5.2	11.7	16.3
Bayaran balik pinjaman	406.9	93.6	112.4	105.4	0.9	-4.0	10.3	12.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.9	-1.2	4.9	4.7	2.7	9.5	2.7	4.7
PKS**								
Permohonan pinjaman	104.5	20.2	29.7	27.9	4.1	-16.3	49.2	38.1
Kelulusan pinjaman	45.3	8.9	12.7	12.9	-16.3	-31.0	10.3	45.7
Pengeluaran pinjaman	143.4	34.7	38.3	35.5	-12.0	-11.7	-3.2	2.4
Bayaran balik pinjaman	132.2	32.3	34.8	33.5	-9.1	-9.4	-3.7	3.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-5.5	-6.8	-0.1	2.5	-4.4	-0.4	-4.4	3.2
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	133.2	31.8	31.5	32.1	-7.5	1.4	0.2	0.8
Kelulusan pinjaman	82.3	17.2	24.4	16.3	-12.3	-32.2	35.7	-5.7
Pengeluaran pinjaman	295.9	66.2	87.5	81.8	1.1	-1.4	19.8	23.6
Bayaran balik pinjaman	274.7	61.3	77.6	71.9	6.5	-0.9	18.0	17.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.4	5.6	5.1	2.2	7.8	17.3	7.8	5.7
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	281.0	55.5	77.4	69.9	22.0	-0.5	54.2	26.0
Kelulusan pinjaman	159.2	32.0	43.3	40.8	11.3	-5.2	37.9	27.8
Pengeluaran pinjaman	216.5	47.3	60.7	57.4	17.3	4.9	33.8	21.3
Bayaran balik pinjaman	187.0	44.4	49.4	49.5	13.4	7.2	19.0	11.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	38.6	5.8	12.1	14.1	9.8	9.3	9.8	11.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Baki pinjaman
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	2009	S1 09	S4 09	S1 10		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**439.3**	**100.9**	**125.8**	**117.3**	**67.1**	**44.7**
Syarikat besar	*295.9*	*66.2*	*87.5*	*81.8*	*46.8*	*29.6*
*PKS**	*143.4*	*34.7*	*38.3*	*35.5*	*20.3*	*15.1*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	20.8	4.2	7.0	9.2	5.3	2.4
Perlombongan dan kuari	2.3	0.7	0.5	0.8	0.4	0.3
Perkilangan	128.4	30.2	34.9	33.4	19.1	9.7
Pembinaan	40.5	8.7	12.2	9.3	5.3	4.4
Harta tanah	20.6	5.2	6.5	5.2	3.0	4.2
Bekalan elektrik, gas dan air	8.5	1.0	3.3	0.8	0.5	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	105.5	24.5	28.4	28.1	16.1	7.7
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	22.5	5.6	6.7	5.4	3.1	3.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	44.5	11.4	12.1	13.4	7.7	6.5
Isi rumah	**216.5**	**47.3**	**60.7**	**57.4**	**32.9**	**55.3**
Pembelian harta kediaman	55.6	11.7	16.8	15.0	8.6	25.6
Kredit penggunaan	132.6	29.7	36.1	33.6	19.2	21.2
Antaranya:						
Kad kredit	*70.5*	*16.2*	*19.5*	*18.4*	*10.5*	*3.3*
Pembelian kereta penumpang	*32.8*	*7.6*	*8.2*	*8.8*	*5.0*	*13.2*
Lain-lain	28.4	6.0	7.8	8.9	5.1	8.5
Jumlah	**655.8**	**148.2**	**186.4**	**174.7**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga terus kukuh. Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat dengan kukuh pada asas tahunan. Permintaan pinjaman adalah terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Dengan itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM14.1 bilion untuk meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 11.8% pada akhir bulan Mac (akhir tahun 2009: 9.8%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus kukuh

Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal pada suku pertama terus tinggi, berjumlah RM22.6 bilion (S4 09: RM29.6 bilion). Sejumlah besar dana diperoleh sektor awam melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 3.5 tahun dan 5.5 tahun, Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5.5 tahun dan 7.5 tahun, serta pembukaan semula MGS 10 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM15.5 bilion.

Dalam sektor swasta, aktiviti pemerolehan dana terutamanya tertumpu dalam pasaran ekuiti (70% daripada dana kasar yang diperoleh sektor swasta). Ini disebabkan terutamanya oleh dua terbitan hak yang besar oleh firma yang terlibat dalam industri pengangkutan dan satu tawaran awam awal yang besar oleh sebuah firma dalam industri teknologi. Sementara itu, dana kasar yang diperoleh melalui sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) berjumlah RM4.7 bilion (S4 09: RM16.4 bilion). Hampir separuh daripada dana yang diperoleh melalui PDS adalah untuk membiayai aktiviti baharu, dan separuh lagi untuk membiayai modal kerja dan bagi tujuan kegunaan am. Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM7.1 bilion pada suku pertama. Jumlah dana yang diperoleh sektor swasta pada suku sebelumnya adalah lebih besar disebabkan oleh satu tawaran awam awal yang amat besar dan beberapa terbitan PDS yang besar pada suku tersebut.

Dana yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**10.8**	**5.6**	**57.8**	**15.5**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	8.8	5.7	53.3	15.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*20.5*	*13.5*	*61.3*	*12.6*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*6.0*	*3.5*	*28.5*	*6.5*
Tolak: Penebusan	*17.7*	*11.4*	*36.5*	*3.5*
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	(2.4)	-
Bon Simpanan, *bersih*	2.0	(0.1)	6.9	(0.1)
Oleh Sektor Swasta	**0.8**	**24.0**	**52.6**	**7.1**
Saham	0.1	13.2	26.0	11.0
Sekuriti hutang, *bersih*	0.7	10.8	26.5	(3.9)
Sekuriti Hutang Swasta	*9.3*	*16.4*	*58.6*	*4.7*
Cagamas	-	-	-	-
Tolak: Penebusan	*8.6*	*5.6*	*32.0*	*8.6*
Jumlah	**11.6**	**29.6**	**110.3**	**22.6**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



1/ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
* Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil jangka panjang kekal stabil

Kadar hasil MGS mencatat trend yang bercampur-campur pada suku pertama. Kadar hasil bagi tempoh matang yang lebih pendek mula meningkat pada akhir bulan Januari berikutan jangkaan pelarasan terhadap kadar dasar, susulan siaran Kenyataan Dasar Monetari pada bulan Januari. MGS 1 tahun meningkat sebanyak 46 mata asas pada suku pertama. Sementara itu, jangkaan inflasi yang rendah menyebabkan kadar hasil jangka panjang stabil. Permintaan yang meningkat terhadap sekuriti jangka panjang oleh bukan pemastautin turut menyumbang kepada kadar hasil yang lebih rendah. Hasilnya, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 4 dan 13 mata asas, yang menyebabkan keluk kadar hasil pada tempoh matang yang lebih panjang menjadi mendatar.

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bon korporat 5 tahun mencatat peningkatan kecil pada suku pertama tahun 2010. Peningkatan dalam kadar hasil PDS diimbangi oleh pengurangan premium risiko berikutan keadaan kredit yang bertambah baik lantaran prospek pemulihan ekonomi yang bertambah kukuh.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon meningkat

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM188 bilion pada suku pertama (S4 09: RM134 bilion). Kemunculan pemacu pasaran baharu, seperti jangkaan tentang kenaikan kadar faedah dan peningkatan permintaan daripada bukan pemastautin menyumbang kepada peningkatan urus niaga pada suku pertama. Sekuriti Kerajaan (MGS dan GII) mencakupi 90% daripada jumlah urus niaga. Peningkatan dalam mudah tunai adalah menyeluruh, dengan sekuriti MGS, GII dan PDS mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi. MGS kekal sebagai kertas paling cair dengan nisbah kecairan 0.60.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (5-tahun) dan kadar hasil sekuriti hutang swasta (5-tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI terus bertambah kukuh pada suku pertama

FBM KLCI ditutup lebih tinggi pada suku pertama pada 1,320.6 (sejak S4 09: +3.8%), didorong terutamanya oleh sektor kewangan dan pembinaan. Indeks disokong oleh pengumuman tentang perolehan korporat yang memberangsangkan bagi S4 2009 dan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh. Asas-asas yang bertambah baik turut menarik penyertaan asing, lantas merancakkan lagi pasaran. Permodalan pasaran meningkat kepada RM1.06 trilion pada akhir bulan Mac 2010 (S4 09: RM999.5 bilion) dan urus niaga purata harian lebih tinggi pada 1.05 bilion unit (S4 09: 915.2 juta unit) pada suku pertama.

Pada 11 Mei 2010, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,340.7 mata (sejak akhir tahun 2009: +5.3%) dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.06 trilion (sejak akhir tahun 2009: + 6.5%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2010



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir			
	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
Indeks Harga				
Komposit	872.6	1,272.8	1,272.8	1,320.6
FBM30[1]	5,598.5	-	-	-
FBM EMAS[2]	5,701.1	8,507.6	8,507.6	8,957.2
FTSE Papan Kedua[3]	3,872.4	-	-	-
FTSE Mesdaq[4]	2,942.7	4,299.6	4,299.6	4,209.0
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	454.5	915.2	1,000.2	1,046.6
Nilai (RM juta)	688.4	1,210.3	1,220.9	1,532.4
Permodalan pasaran (RM bilion)	662.1	999.5	999.5	1,061.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	969	960	960	961

[1] FBM30 mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia 30
[2] FBM EMAS mewakili Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas
[3] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[4] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2009						2010	
	S1		S4		Tahun		S1	
	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta	juta unit	RM juta
Urus niaga	26,360	39,927	57,655	76,246	248,061	302,788	61,749	90,410
Antaranya:								
Papan Utama	22,657	39,075	48,324	73,719	210,327	292,600	52,363	88,115
Antaranya								
Produk Pengguna	675	2,096	3,821	3,786	11,316	14,527	2,815	3,740
Produk Industri	3,798	2,401	10,147	9,462	44,521	35,975	12,365	14,055
Pembinaan	2,508	2,936	2,458	4,663	15,744	22,354	3,146	4,933
Dagangan/Khidmat	8,261	14,423	15,367	27,694	70,507	105,636	16,101	28,833
Kewangan	1,903	8,095	4,207	15,090	17,057	56,559	4,203	20,839
Harta Benda	2,984	1,895	4,596	3,491	29,349	19,418	6,449	3,863
Perladangan	1,085	4,332	1,118	4,411	5,888	21,543	1,454	6,448
Infrastruktur	629	2,405	1,608	1,783	5,659	10,319	1,058	1,736
Papan Kedua[1]	1,647	498	-	-	10,823	4,040	-	-
Mesdaq[2]	798	193	5,592	1,406	16,696	3,426	5,446	1,152

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang utama dan serantau

Pada suku pertama, ringgit menambah nilai sebanyak 4.6% berbanding dengan dolar AS, secara umumnya sejajar dengan mata wang serantau. Ini disebabkan terutamanya oleh prospek ekonomi serantau yang akan menerajui pemulihan ekonomi global, lantas menyumbang kepada prospek pelaburan yang menggalakkan bagi pasaran kewangan serantau. Mata wang serantau juga disokong oleh jangkaan penambahan nilai renminbi China yang berpotensi mengukuhkan mata wang serantau. Walau bagaimanapun, perkembangan ini diimbang balas secara berkala oleh penghidaran risiko pasaran dalam kalangan pelabur berikutan kebimbangan terhadap langkah pengurusan mudah tunai China dan isu kredit kerajaan di beberapa negara di kawasan euro. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (12.2%), paun sterling (11.5%) dan yen Jepun (5.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai dalam julat antara 1.4% hingga 4.6%.

Pada tempoh antara 1 April hingga 12 Mei 2010, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.6%), euro (7.7%), paun sterling (2.8%) dan yen Jepun (0.8%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai antara 0.4% hingga 2.1%.

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 31 March 2010)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 09	S4 09	S1 10	21 Jul 05	S1 09	S4 09
Dolar AS	3.8000	3.6470	3.4245	3.2730	16.1	11.4	4.6
Euro	4.6212	4.8348	4.9191	4.3850	5.4	10.3	12.2
Paun sterling	6.6270	5.2203	5.5001	4.9326	34.4	5.8	11.5
100 yen Jepun	3.3745	3.7091	3.7076	3.5017	-3.6	5.9	5.9
Dolar Singapura	2.2570	2.4008	2.4401	2.3354	-3.4	2.8	4.5
100 baht Thailand	9.0681	10.266	10.271	10.111	-10.3	1.5	1.6
100 peso Filipina	6.8131	7.5343	7.4196	7.2236	-5.7	4.3	2.7
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0315	0.0364	0.0359	7.6	-12.4	1.4
100 won Korea	0.3665	0.2630	0.2937	0.2889	26.9	-9.0	1.7
Renminbi China	0.4591	0.5335	0.5016	0.4795	-4.2	11.3	4.6

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN DALAM SEKTOR PERBANKAN DAN INSURANS

Perkembangan dalam sektor perbankan

Sektor perbankan terus berdaya tahan, dengan penampan modal yang kukuh, kualiti aset yang stabil dan kedudukan mudah tunai yang mantap. Fungsi pengantaraan kewangan kekal teratur dan menyokong ekonomi. Sistem perbankan mempunyai penampan modal yang kukuh untuk menghadapi sebarang kemungkinan kejutan ekonomi dan kewangan.

Sistem Perbankan

	2009		2010
	S1	S4	S1
Kedudukan modal			
Aset wajaran risiko (RM bilion)	886.7	928.5	946.0
Modal asas (RM bilion)	120.4	142.6	140.8
Nisbah modal wajaran risiko (%)	13.6	15.4	14.9
Nisbah modal teras (%)	11.6	13.8	13.2
Keuntungan sebelum cukai (RM juta)	**4,733.3**	**5,197.4**	**5,052.5**
Nisbah pulangan atas ekuiti (%)	16.7	16.1	15.2
Nisbah pulangan atas aset (%)	1.4	1.5	1.4

Sumber: Bank Negara Malaysia

Paras permodalan sistem perbankan terus kukuh meskipun menurun sedikit berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2009 terutamanya disebabkan pembayaran dividen bermusim oleh beberapa institusi perbankan. Kualiti modal yang tinggi tidak berubah dengan modal Kumpulan-1 mencakupi 76.5% daripada jumlah modal. Penampan modal terus berada pada paras yang memuaskan sebanyak RM61.3 bilion. Keuntungan sebelum cukai pada suku pertama kekal tidak berubah, disokong oleh penambahan dalam pendapatan faedah bersih daripada portfolio pembiayaan sejajar dengan permintaan yang lebih kukuh bagi pinjaman dan aktiviti ekonomi yang lebih giat.

Kualiti portfolio pinjaman secara relatif terus stabil pada suku pertama disebabkan amalan pengunderaitan yang berhemat dan pengurusan kutipan dan pemulihan pinjaman yang terus aktif. Mulai tahun kewangan 2010, laporan portfolio pembiayaan bank diselaraskan dengan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran. Penerapan FRS 139 telah memberikan kesan yang baik terhadap laporan

Sistem Perbankan: Pinjaman Tak Berbayar (PTB)[1]

	2009		2010
	S1	S4	S1
PTB bersih (RM juta)	16,032.9	13,787.9	14,486.8
	%		
Nisbah PTB Bersih	2.2	1.8	1.8
Nisbah PTB Kasar	4.6	3.7	3.5
Perniagaan Besar	4.8	4.1	4.5
Perusahaan Kecil & Sederhana	6.8	5.6	5.5
Isi rumah	4.1	3.1	2.8

[1] Mulai bulan Januari 2010, pinjaman dilaporkan berdasarkan Financial Reporting Standards (FRS) 139. Penggunaan FRS 139 adalah berdasarkan tahun kewangan bank. Bagi bank yang telah menggunakan FRS 139, mulai bulan Januari, angka mencerminkan peruntukan terjejas kolektif.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Nisbah Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

portfolio bank setelah membuat persediaan selama beberapa tahun untuk pelaksanaannya. Jumlah pinjaman terjejas lebih tinggi sedikit, khususnya dalam segmen perniagaan besar. Dalam pada itu, kualiti pinjaman PKS dan isi rumah terus kukuh, menyumbang kepada nisbah NPL keseluruhan yang stabil. Perlindungan kerugian pinjaman terus tinggi melebihi 90%.

Sistem perbankan menyelenggara mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan bagi pengeluaran deposit dan obligasi mudah tunai yang lain. Penampan mudah tunai sistem perbankan bagi kelompok kematangan sehingga satu minggu dan satu bulan kekal memuaskan, masing-masing pada 16.4% dan 16.5% daripada jumlah deposit (S4 09: 18.1% dan 18.2%). Sementara itu, nibsah pinjaman berbanding dengan deposit juga memuaskan pada 79.2% (S4 09: 77.9%).

Perkembangan dalam sektor insurans dan takaful

Sektor insurans dan takaful kekal berdaya tahan dengan Nisbah Kecukupan Modal yang kukuh sebanyak 241.9% (S4 09: 230%) dan lebihan modal sebanyak RM23.3 bilion. Pertambahan keberuntungan sektor ini dipacu oleh peningkatan yang menyeluruh dalam pendapatan premium serta pulangan yang menggalakkan daripada aktiviti pelaburan lantaran keadaan pasaran kewangan yang positif.

Lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi penanggung insurans hayat meningkat kepada RM2.9 bilion (S1 09: RM2.0 bilion) dengan pertambahan dicatat merentas semua segmen perniagaan. Keuntungan kendalian bagi perniagaan am turut meningkat berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2009 hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi daripada perniagaan motor dan kemalangan diri dan penurunan tuntutan yang ditanggung.

Sektor Insurans dan Takaful: Keuntungan

	2009			2010
	S1	S4	Tahun	S1
	RM million			
Hayat/keluarga Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,007.8	3,194.7	12.567.2	2,924.1
Am Keuntungan operasi	311.7	821.9	2,092.9	509.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Program Penasihat Rangkuman Kewangan
Kuala Lumpur, 18 Januari 2010

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan kedatangan anda semua ke Program Penasihat Rangkuman Kewangan (FIA). Meskipun landskap kewangan global sedang melalui perubahan besar dan ketika perbincangan untuk pembaharuan kewangan sedang diberikan pertimbangan yang sewajarnya, kepentingan agenda rangkuman kewangan juga perlu diberikan perhatian. Ini adalah penting dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi mampan yang seimbang dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak.

Bank Negara Malaysia amat berbangga kerana dapat menjadi tuan rumah dan bersama-sama menganjurkan Program Penasihat-Penasihat Rangkuman Kewangan dengan Japan International Coopration Agency (JICA). Program ini bertujuan menyediakan suatu platform kepada pengamal daripada industri perkhidmatan kewangan untuk berkongsi pengalaman dalam pembangunan model perniagaan yang berjaya bagi rangkuman kewangan. Di samping itu program ini juga memberikan peluang kepada pengawal selia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang bagaimana untuk memperbaik persekitaran yang diperlukan untuk rangkuman kewangan termasuk pengaturan institusi dan memastikan keteguhan dan kestabilannya, seterusnya memastikan kelangsungannya.

Cabaran-cabaran dalam Pencapaian Rangkuman Kewangan

Krisis kewangan global yang diikuti dengan kelembapan ekonomi global pada tahun 2009 mempunyai implikasi terhadap agenda rangkuman kewangan. Gangguan dalam perjalanan pasaran kewangan telah menyebabkan perhatian tertumpu pada isu kestabilan kewangan. Selain itu, kemerosotan permintaan berikutan krisis kewangan dalam pasaran ekonomi utama mengakibatkan penguncupan dalam perdagangan dunia. Kemelesetan serentak yang berlaku berikutnya telah menjadikan keadaan lebih genting bukan hanya untuk memastikan sistem kewangan negara berdaya tahan dan berupaya menyerap kejutan luaran tetapi perhatian dan sumber yang mencukupi juga perlu disediakan bagi mencapai agenda rangkuman kewangan.

Persekitaran ekonomi dan kewangan antarabangsa kini dalam keadaan yang lebih baik. Walaupun dalam keadaan kestabilan ekonomi, rangkuman kewangan masih merupakan usaha yang mencabar. Pertama, jangkauan yang komprehensif diperlukan bagi merangkumkan golongan yang berpendapatan rendah dan kurang mendapat perhatian, memandangkan golongan ini umumnya dipisahkan dari segi geografi dan mempuyai tahap celik kewangan yang rendah. Kedua, institusi kewangan mikro perlu menjana pulangan yang mencukupi secara berterusan untuk menampung kos yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan tersebut dan kekurangan potensi bagi ekonomi ikut bidangan untuk terus berdaya maju. Ketiga, institusi kewangan tersebut juga menghadapi cabaran dalam memperoleh pendanaan yang mapan dan bersaingan.

Menyedari akan cabaran yang dihadapi dalam menangani isu ini bagi mencapai rangkuman kewangan, program ini yang telah bermula lebih daripada dua tahun yang lalu ialah hasil daripada cadangan yang saya buat pada mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Kerjasama Komanwel Langkawi untuk Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM) di Pulau Langkawi pada tahun 2007, yang membincangkan isu pembasmian kemiskinan melalui pembangunan modal insan. Tujuan program Penasihat Rangkuman

Kewangan adalah untuk mendedahkan pengamal dan pengawal selia dalam bidang rangkuman kewangan ini dengan idea yang praktikal melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam membangunkan struktur institusi, mewujudkan persekitaran yang diperlukan dan meningkatkan celik kewangan. Idea dan pengalaman yang dikongsi kemudiannya boleh disesuaikan dengan keadaan setempat bagi meningkatkan rangkuman kewangan. Cadangan ini telah diterima baik oleh anggota dan telah menghasilkan program Penasihat Rangkuman Kewangan yang pertama kali diadakan di Lusaka, Zambia pada bulan April 2009. Kejayaan program sulung yang dianjurkan ini telah mendorong kepada program kedua yang dianjurkan di Malaysia dengan sokongan JICA. JICA telah lama terbabit dalam bina upaya di benua Afrika, dan kami menantikan kerjasama pada masa hadapan dalam membina sistem kewangan yang lebih terangkum.

Pengalaman Malaysia dalam Agenda Rangkuman Kewangan

Di Malaysia, komitmen terhadap agenda rangkuman kewangan terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang memasukkan rangkuman kewangan sebagai satu matlamat Bank Negara Malaysia. Dengan enakmen Akta pada bulan November 2009, Bank Negara telah memasukkan agenda rangkuman kewangan dalam perundangan bagi memastikan generasi pengurusan bank pusat pada masa hadapan akan terus menumpukan usaha untuk membangunkan sistem kewangan yang inklusif. Tambahan lagi, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses merumuskan rangka tindakan baharu bagi sektor kewangan untuk dekad akan datang. Rangka tindakan ini juga akan memastikan pembangunan sistem kewangan yang lebih inklusif.

Langkah-langkah rangkuman kewangan yang diambil setakat ini telah menunjukkan kesan positif. Pada tahun 2009, kadar penembusan akaun deposit dan akaun pinjaman di Malaysia ialah masing-masing 3,300 akaun deposit bagi setiap 1,000 orang dewasa dan 1,100 akaun pinjaman bagi setiap 1,000 orang dewasa yang merupakan antara yang tertinggi di dunia. Tahap rangkuman kewangan yang tinggi ini adalah hasil daripada dasar bersungguh-sungguh untuk membina sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Strategi yang dilaksanakan telah menghasilkan enam ciri sistem kewangan.

Pertama, persekitaran perniagaan yang membenarkan pelbagai rangkaian penyedia perkhidmatan kewangan untuk berkembang dan bersaing. Persekitaran ini telah menghasilkan institusi-institusi kewangan komersial dengan strategi berbeza yang berasaskan kekuatan mereka dan penyampaian pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan yang memenuhi pelbagai keperluan pelanggan dan perniagaan. Sistem kewangan ini juga termasuk institusi kewangan asing melalui beberapa siri langkah liberalisasi teratur dan juga pembangunan institusi kewangan, koperasi dan agensi Kerajaan yang melengkapkan institusi perbankan komersial tempatan. Pendekatan ini memanfaatkan keupayaan inovasi dan pelaksanaan oleh sektor swasta serta kepelbagaian dan kedinamikan pasaran yang kompetitif. Pada masa yang sama, Kerajaan berperanan sebagai pelengkap dalam memberi perkhidmatan kepada segmen yang kurang diberikan perhatian oleh sektor swasta.

Kedua, produk dan perkhidmatan perbankan asas yang dapat disediakan pada kos yang berpatutan. Pada bulan Februari 2005, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki semua bank menyediakan perkhidmatan perbankan asas tersebut. Garis panduan ini memberikan takrifan ciri-ciri akaun simpanan dan akaun semasa asas yang perlu disediakan oleh institusi perbankan komersial. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa semua golongan masyarakat mempunyai akses kepada perkhidmatan deposit dan urus niaga asas. Selanjutnya, satu rangka kerja untuk

pembayaan mikro telah juga dirumus bagi membolehkan pembiayaan mikro disediakan oleh institusi kewangan kepada perusahaan mikro. Kadar pembiayaan mikro tidak dikenakan had supaya sepadan dengan kos pentadbiran yang lebih tinggi dalam menyediakan perkhidmatan tersebut kepada peminjam mikro. Ini bagi membolehkan institusi kewangan untuk terus berdaya maju dan mapan.

Ketiga, pelbagai saluran penyampaian telah diperkenalkan bagi memastikan akses yang meluas kepada perkhidmatan kewangan. Dasar Bank Negara (branching policy) telah menggalakkan institusi kewangan untuk mewujudkan rangkaian cawangan yang menyeluruh di seluruh negara bagi memastikan akses fizikal yang meluas kepada perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2008, terdapat 9 cawangan bank bagi setiap 1,000 kilometer persegi dan 24 ATM setiap 1,000 kilometer persegi di Malaysia. Secara perbandingan, median global ialah 7 cawangan bank bagi setiap 1,000 kilometer persegi dan 15 ATM setiap 1,000 kilometer persegi. Institusi kewangan juga digalakkan untuk menerapkan teknologi yang boleh meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kewangan. Pertambahan penggunaan internet dan perbankan bergerak juga telah memacu perpindahan kepada pembayaran elektronik dan telah meluaskan akses perkhidmatan kewangan di lebih banyak kawasan terpencil.

Keempat ialah mempertingkatkan celik kewangan dan perlindungan pelanggan. Dengan celik kewangan dan kesedaran yang bertambah, pengguna akan dilindungi daripada dieksploitasi oleh skim penipuan pinjaman dan pelaburan dan akan dapat membuat keputusan kewangan yang lebih bijak. Bagi melindungi hak pengguna, Rangka Kerja Perlindungan Pengguna telah dibentuk untuk meningkatkan piawaian penzahiran produk dan perkhidmatan kewangan, pelbagai mekanisme penyelesaian pertikaian dan untuk amalan saksama dalam kalangan penyedia perkhidmatan kewangan.

Bank Negara juga telah menubuhkan pusat perkhidmatan setempat untuk orang awam, yang memberikan khidmat nasihat tentang hal kewangan. Akhir sekali, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan untuk memberikan kaunseling berkaitan dengan pengurusan kredit dan hutang untuk individu dan begitu juga untuk menyemai tabiat pengurusan wang yang bertanggungjawab.

Kelima, infrastruktur kewangan sokongan untuk memudahkan operasi institusi kewangan merupakan ciri penting sistem kewangan. Halangan untuk akses kepada pembiayaan ialah tiada sejarah kredit. Atas dasar ini, biro kredit telah ditubuhkan untuk mempertingkatkan akses kepada pembiayaan dengan cara menggalakkan peminjam untuk membina rekod kredit tersebut. Di Malaysia, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat atau CCRIS, telah menyediakan maklumat kredit melalui sistem dalam talian sejak tahun 2001. Terkini, pada bulan Julai 2008, Biro Kredit SME telah memulakan operasi untuk membantu SME membina rekod prestasi dan dengan itu menyediakan profil yang seimbang bagi kedudukan kredit SME dan seterusnya meningkatkan akses kepada pembiayaan mengikut terma yang lebih memuaskan.

Keenam, ahli profesional kewangan terlatih yang mencukupi adalah penting untuk prestasi sektor kewangan. Perkhidmatan kewangan ialah sebuah industri yang dinamik dan kompleks dengan inovasi produk yang pesat. Pengamal perkhidmatan kewangan perlu benar-benar berkelayakan, berkaliber dan berpengetahuan dalam kewangan teknikal bagi membolehkan mereka cemerlang dan menjana hasil dalam persekitaran yang lebih mencabar. Menyedari betapa pentingnya pembangunan modal insan dalam industri ini termasuk bidang tadbir urus korporat, pembangunan kepimpinan dan kewangan Islam, Bank telah mewujudkan beberapa pusat kecemerlangan pembelajaran untuk keseluruhan sektor perkhidmatan kewangan.

Penutup

Program Penasihat Rangkuman Kewangan ini ialah contoh perkongsian pintar yang disokong oleh pergerakan CPTM. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada CPTM dan JICA dan juga institusi-institusi sumber yang mengambil bahagian – Bank Rakyat Indonesia, National Bank for Agriculture and Rural Development (NABARD) of India, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), SIRIM Berhad, Agro Bank dan Pergerakan Berkecuali – Pusat Kerjasama Teknikal Selatan-Selatan (NAM-CSSTC) atas sumbangan kepada program ini. Saya juga ingin mengalu-alukan anggota komuniti pembiayaan mikro dari Kenya, Malawi, Tanzania, Uganda dan Zambia ke program ini.

Saya harap anda semua akan mempelajari sesuatu yang berguna dan mendapat pengalaman berharga serta bergembira sepanjang anda berada di Malaysia.

Pelancaran Global Gerbang Kewangan Islam Thomson Reuters: "Pencapaian penting dalam membangunkan sistem kewangan Islam global yang lebih efisien dan bersepadu pada peringkat antarabangsa" Kuala Lumpur, 22 Februari 2010

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Berlatarkan persekitaran ekonomi dan kewangan global yang lebih mencabar ini, kewangan Islam terus dinamik dengan inovasi yang berterusan dan pertumbuhan yang pesat seiring dengan momentumnya yang terus meningkat. Perkembangan ini bukan sahaja memperlihatkan daya maju dan daya tahan kewangan Islam, tetapi juga kemampuannya untuk kekal berdaya saing. Pengantarabangsaan kewangan Islam juga menyerlah pada dekad ini apabila jangkauannya diluaskan dalam usaha memberikan perkhidmatan kepada masyarakat global. Pembangunan pesat pasaran kewangan Islam dan sokongan arkitektur kewangan Islam antarabangsa serta trend ke arah liberalisasi yang lebih meluas telah menggalakkan integrasi kewangan Islam dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pelancaran Gerbang Kewangan Islam (Islamic Finance Gateway) oleh Thomson Reuters pada hari ini sememangnya merupakan satu usaha yang amat dialu-alukan. Akses yang tepat pada masanya kepada pelbagai maklumat penting tentang kewangan Islam termasuk terma dan struktur produk serta keputusan Syariah akan menyumbang dalam menghasilkan pasaran kewangan Islam yang lebih telus. Sebagai platform untuk penemuan harga, gerbang ini akan menyumbang ke arah pelbagai pasaran kewangan Islam yang berfungsi dengan cekap di seluruh dunia. Gerbang ini juga akan memupuk pemahaman antarabangsa yang lebih mendalam tentang amalan kewangan Islam dalam pelbagai pasaran kewangan Islam.

Saya telah dimaklumkan bahawa Gerbang ini akan turut memasukkan dalam kandungannya pangkalan data resolusi Syariah oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA) berikutan memorandum persefahaman antara Thomson Reuters dengan ISRA yang akan ditandatangani pada hari ini. ISRA ditubuhkan pada tahun 2008 untuk menyediakan platform bagi interaksi dan perbincangan yang lebih meluas antara para pengamal, cendekiawan, pengawal selia dan ahli akademik dalam bidang Syariah dan untuk menggalakkan penyelidikan gunaan terhadap isu-isu semasa dalam kewangan Islam. Usaha ISRA telah menyumbang ke arah pengharmonian dalam pentafsiran Syariah dan seterusnya penstandardan aplikasi dan amalan Syariah dalam kewangan Islam. ISRA kini merupakan wadah pengetahuan yang penting bagi pendapat Syariah atau fatwa. Oleh itu Gerbang Kewangan Islam Reuters berpotensi menjadi wahana penting bagi penyebaran maklumat bermutu tinggi tentang kewangan Islam di seluruh dunia.

Dalam melaksanakan fungsinya untuk mengumpul maklumat tentang kewangan Islam, Gerbang ini akan memaparkan nadi industri perkhidmatan kewangan Islam global yang dinamik. Peningkatan aliran maklumat merentas sempadan dalam masa nyata (real time) akan turut memperkukuh trend pengantarabangsaan kewangan Islam. Kini tahap penyertaan asing dalam pasaran kewangan Islam semakin menggalakkan, lantas meningkatkan aliran merentas sempadan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa. Peningkatan aliran maklumat ini akan membolehkan pemerolehan dana di banyak negara dan seterusnya jumlah pelabur akan bertambah. Liberalisasi juga menghasilkan penyertaan lebih banyak institusi asing dalam negara, lantas mempelbagaikan peserta dalam sistem kewangan Islam. Secara kumulatif, perkembangan ini memperkukuh

lagi hubungan kewangan antarabangsa antara negara dan menyumbang ke arah pengagihan sumber yang lebih efisien merentas sempadan.

Krisis kewangan global baru-baru ini telah menyerlahkan risiko yang berkait dengan globalisasi kewangan. Oleh itu, kualiti globalisasi kewangan dalam kewangan Islam turut memainkan peranan penting dalam proses pengantarabangsaannya. Saya akan menyentuh dua aspek globalisasi kewangan dalam kewangan Islam. Pertama, kewangan Islam adalah lebih terangkum dari segi jangkauannya bukan sahaja dari aspek penyertaan negara maju tetapi juga penyertaan negara yang sedang pesat membangun, khususnya Asia dan Timur Tengah. Ini akan menghasilkan kepelbagaian dan mengelakkan risiko yang berpunca daripada terlebih tumpuan dalam negara tertentu. Dengan prospek pertumbuhan yang secara relatif lebih menggalakkan dalam negara sedang pesat membangun, pengukuhan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan dalam kalangan negara sedang pesat membangun akan saling memperkukuh prospek ini. Peranan kewangan Islam yang makin menyerlah dalam merangkumkan pelbagai negara sedang pesat membangun, di samping mengeratkan hubungannya dengan negara maju akan memudahkan lagi proses globalisasi ini.

Aspek kedua ialah berkaitan dengan interaksi global semasa yang semakin pesat dalam kalangan masyarakat antarabangsa untuk memacu agenda reformasi kewangan. Sebagai sebahagian daripada proses ini, interaksi seperti ini perlu diperluas agar mencakupi entiti penetapan piawaian kehematan bagi kewangan Islam, memandangkan kewangan Islam merupakan komponen yang semakin berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa. Selain perlunya diberi pengiktirafan terhadap piawaian kehematan yang dikeluarkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB), kesedaran juga perlu disemai dalam kalangan masyarakat antarabangsa tentang implikasi piawaian baharu yang diperkenalkan terhadap sistem kewangan Islam. Langkah ini penting memandangkan kestabilan kewangan global merupakan aspirasi yang perlu dikongsi bersama.

Akhir sekali, pelancaran Gerbang Kewangan Islam oleh Thomson Reuters pada hari ini menandakan satu lagi pencapaian penting dalam perkembangan kewangan Islam di persada antarabangsa. Portal maklumat dan perdagangan yang begitu komprehensif bagi penyertaan asing dan domestik dalam sistem kewangan Islam seperti ini akan menyumbang ke arah kecekapan dan keberkesanannya sebagai satu bentuk pengantara kewangan. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Thomson Reuters atas pelancaran global Gerbang Kewangan Islam secara rasmi.

Majlis Syarahan Global Pertama
Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan
Frankfurt, 1 Mac 2010

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya amat berbesar hati kerana berada di Frankfurt untuk menghadiri mesyuarat Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan (OMFIF) yang julung-julung kali diadakan dan menyampaikan ucapan pada syarahan pertama petang ini di Goethe University.

Sekarang merupakan masa yang penting bagi penggubal dasar dan industri kewangan. Ketika kita melangkah keluar daripada kancah krisis kewangan antarabangsa terburuk dalam beberapa dekad ini, masih terdapat beberapa isu yang belum diselesaikan. Pemulihan ini telah memberikan tumpuan terhadap strategi keluar dan pencarian penyelesaian kekal yang akan meletakkan sistem kewangan pada asas yang lebih kukuh. Isu-isu ini dipertimbangkan semasa tempoh keadaan yang luar biasa. Apa yang menjadi kebimbangan ialah keadaan ini mungkin akan sangat mempengaruhi hala tuju agenda pembaharuan dengan implikasi jangka sederhana dan panjang yang boleh menghalang penemuan penyelesaian yang akan membawa kita ke jalan kestabilan dan pertumbuhan yang berterusan.

Ucapan saya petang ini akan tertumpu pada tiga trend yang semakin penting dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa serta implikasinya dalam kita bergerak maju dalam era pascakrisis ini. Pertama, rantau Asia semakin penting dalam ekonomi global; kedua, pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa yang meluas seperti yang dijangkakan oleh komuniti antarabangsa; dan ketiga, pertumbuhan pesat kewangan Islam dan integrasinya dengan sistem kewangan antarabangsa. Trend ini dijangka menjadi lebih nyata selepas krisis kewangan global.

Ekonomi Asia dan global

Selepas mengalami satu daripada krisis ekonomi terburuk dalam sejarah moden, ekonomi global kini berada dalam landasan pemulihan tetapi momentum pertumbuhan dilihat tidak sekata. Peralihan global sedang berlaku disebabkan oleh pertumbuhan tidak sekata yang semakin ketara antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun lantas menyebabkan perubahan dalam bentuk ekonomi global. Ini bukan sahaja akibat daripada faktor berkaitan krisis tetapi juga disebabkan oleh faktor struktur yang sedia wujud sebelum krisis lagi.

Kita telah melihat pelaksanaan langkah-langkah luar biasa dan belum pernah diambil oleh ekonomi maju untuk mengembalikan semula kestabilan dan fungsi sistem kewangan, dan juga untuk membendung kesan daripada krisis kewangan terhadap ekonomi. Walaupun bencana yang besar dapat dielakkan, pemulihan dalam ekonomi maju terus bergantung pada sokongan dasar dengan faktor-faktor berkaitan struktur masih belum dapat ditangani. IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi maju bagi tempoh 2009 hingga 2014 sebanyak 1.3% setahun, yang merupakan separuh daripada pertumbuhan yang dicapai dalam tempoh 2000 hingga 2008.

Pada amnya, ekonomi sedang pesat membangun, khususnya rantau Asia, mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh. Beberapa faktor penting telah membolehkan peningkatan lebih pantas dan kukuh ini. Pertama, fleksibiliti dasar untuk melaksanakan rangsangan monetari dan fiskal. Kedudukan fiskal yang kukuh dan tahap hutang awam yang secara relatif rendah

telah membolehkan banyak negara di Asia melaksanakan langkah rangsangan fiskal yang lebih besar. Kedua, sektor kewangan di rantau ini berada dalam kedudukan yang kukuh lantas dapat mengelakkan daripada sebarang gangguan penyaluran kredit kepada sektor swasta. Rantau ini telah mendapat manfaat daripada pembaharuan kewangan dan pembangunan infrastruktur kewangan domestik sedekad yang lalu. Sistem kewangan di Asia terus berdaya tahan sepanjang tempoh kegawatan kewangan global ini. Ini merupakan faktor penting dalam meneruskan pemulihan ekonomi untuk menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta domestik apabila langkah-langkah fiskal ditarik balik secara beransur-ansur. Ketiga, sektor isi rumah dan korporat tidak mempunyai tahap keberhutangan yang terlalu tinggi dan oleh itu berada pada kedudukan yang lebih baik untuk meneruskan aktiviti penggunaan dan pelaburan. Keempat, peningkatan dalam perdagangan antara rantau telah menyokong pemulihan aktiviti perdagangan serantau. Ini diperkuat lagi oleh permintaan dalam negeri di rantau ini yang semakin kukuh.

Walaupun sumber pertumbuhan dalam negeri semakin penting, sektor perdagangan masih lagi penting meskipun terdapat perubahan yang nyata dalam corak perdagangan sekarang. Perdagangan antara ekonomi sedang pesat membangun telah pun meningkat dan trend ini paling ketara dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun di Asia. Perdagangan antara negara di rantau Asia telah meningkat daripada 32% daripada jumlah eksport pada tahun 1995 kepada purata 50% pada tahun 2008. Liberalisasi perdagangan yang pesat di seluruh Asia telah meningkatkan akses kepada pasaran. Paras pendapatan yang semakin tinggi di rantau Asia yang mempunyai lebih separuh daripada penduduk dunia telah membentuk pasaran yang besar. Peningkatan dalam permintaan penggunaan ini telah membawa kepada pembangunan sektor runcit moden yang meluas di seluruh rantau ini.

Ekonomi sedang pesat membangun dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi untuk tempoh lima tahun akan datang berbanding tempoh sebelum krisis pada tahun 2000 – 2008, hasil sokongan asas-asas ekonomi yang lebih kukuh. IMF mengunjurkan ekonomi sedang pesat membangun di Amerika Selatan, Timur Tengah, Afrika dan Asia akan berkembang pada purata 6.1% pada tempoh 2010 - 2014, lebih tinggi daripada tempoh 2000 - 2009. Prospek Asia pada tempoh ini akan terus cerah disebabkan oleh beberapa faktor struktur. Pertama, Asia mempunyai struktur demografi yang menggalakkan dengan penduduk yang secara relatif muda dan lebih cenderung berbelanja. Kadar simpanan di Asia yang tinggi juga membolehkan peningkatan permintaan perbelanjaan memandangkan lebihan adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai aktiviti pelaburan yang diperlukan. Dalam pada itu, pengantaraan kewangan di Asia semakin giat bagi memenuhi keperluan pembiayaan baharu sektor isi rumah dan perniagaan.

Dalam dekad kebelakangan ini, terdapat integrasi kewangan yang semakin meningkat. Integrasi kewangan ini akan menghasilkan lebih banyak penggunaan semula yang lebih cekap simpanan penduduk Asia dalam bentuk pelaburan di Asia. Dianggarkan bahawa rantau Asia perlu melabur sebanyak kira-kira USD8 trilion dalam pembangunan infrastruktur untuk tempoh sepuluh tahun akan datang. Penyaluran secara berkesan simpanan penduduk Asia yang besar kepada aktiviti pelaburan yang produktif di rantau ini pasti akan menyokong pembangunan dan pertumbuhan rantau ini yang lebih pesat. Hubungan ekonomi dan kewangan juga telah dijalin dengan ekonomi sedang pesat membangun di rantau lain lantas saling memperkukuh prospek pertumbuhan ekonomi global. Ini seterusnya akan menyumbang ke arah pertumbuhan global yang lebih seimbang. Hasilnya, tumpuan kuasa ekonomi global akan menjadi lebih sekata.

Pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa

Saya akan beralih pula kepada pembaharuan pengawalseliaan kewangan.

Skala, skop dan kos krisis kewangan global yang ketara telah menyebabkan kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan di seluruh dunia merumuskan satu agenda paling

agresif dalam pembaharuan pengawalan kewangan yang pernah dilihat kebelakangan ini. Pembaharuan yang dibuat ini sebenarnya hampir sama dramatik dengan peristiwa yang mencetuskannya. Khususnya, impak yang mungkin timbul daripada pembaharuan ini dalam pentakrifan semula landskap kewangan pada masa hadapan adalah besar, dengan implikasi yang lebih meluas bagi persaingan, inovasi dan akhirnya terhadap seluruh aktiviti ekonomi.

Pastinya, langkah mengukuhkan pengawalan kewangan merupakan satu matlamat penting. Malah, keperluan untuk mempertingkat bentuk pengawalan kewangan sememangnya sudah dipersetujui. Bagi banyak ekonomi sedang pesat membangun – yang pastinya di Asia - pengukuhan pengawalan dan penyeliaan kewangan serta pembangunan sistem kewangan merupakan keutamaan yang penting, terutamanya dalam dekad kebelakangan ini dan lama sebelum tercetusnya krisis. Agenda penyelesaian kami tidak pernah berubah sejak krisis bermula. Sebaliknya, ia telah mempertajam tumpuan kami dalam merumuskan langkah-langkah untuk menempatkan sistem kewangan kami pada asas yang lebih kukuh.

Krisis ini telah membawa perhatian kepada beberapa isu penting yang menuntut tindak balas pengawalseliaan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, tahap persetujuan bagi spektrum pembaharuan yang disyorkan oleh komuniti antarabangsa adalah berbeza. Namun, terdapat kata sepakat yang jelas dalam beberapa perkara. Terdapat persetujuan bahawa rangka kerja pengawalseliaan perlu lebih responsif kepada risiko. Bersama-sama itu juga, terdapat persetujuan untuk meningkatkan dengan nyata pengurusan risiko dalam institusi kewangan dan mengukuhkan peranan penyelia dalam memantau kesilapan institusi kewangan. Keperluan untuk meningkatkan tahap jaringan keselamatan, khususnya dalam pengaturan sokongan mudah tunai dan insurans deposit, juga telah diterima secara meluas sebagaimana keperluan bagi penzahiran dan ketelusan yang lebih tinggi, khususnya bagi item luar kunci kira-kira. Kesemua ini juga merupakan tumpuan kebanyakan pihak berkuasa ekonomi sedang pesat membangun di Asia ketika kami bersedia untuk memodenkan sistem kewangan selepas krisis kewangan Asia.

Terdapat juga perbincangan yang hangat mengenai bidang lain dalam kalangan komuniti antarabangsa. Pertama, berkaitan dengan tahap keseimbangan pengawalan. Krisis yang berlaku telah menunjukkan bahawa disiplin pasaran perlu dilengkapi oleh pengawalan. Walau bagaimanapun, persoalan tertumpu pada sejauh mana sokongan terhadap pengawalan yang lebih tinggi. Patutkah kekangan pengawalseliaan dikenakan terhadap saiz, hutang dan aktiviti institusi kewangan? Ini tentunya mempunyai implikasi yang besar terhadap peranan sektor kewangan dalam keseluruhan ekonomi. Kebimbangan utama terhadap pembaharuan sebegini ialah sama ada ia akan dapat menghasilkan kestabilan kewangan yang lebih baik melangkaui asas dan perubahan yang dirumuskan khas terhadap arkitektur pengawalseliaan. Ia juga membangkitkan persoalan sama ada ia akan meningkatkan kos pengantaraan kewangan dengan ketara.

Tumpuan utama perbahasan antarabangsa sekarang ialah cadangan mengehadkan saiz institusi. Cadangan ini masih belum terbukti berkesan dalam mengurangkan risiko sistemik. Pengalaman Australia dan Kanada yang mempunyai sistem perbankan yang sangat tertumpu menunjukkan bahawa kawalan risiko sistemik tidak begitu berkaitan dengan saiz, sebaliknya lebih berkaitan dengan keberkesanan pengurusan risiko dan penyeliaan terhadap institusi yang besar.

Malaysia bersetuju dengan pandangan ini. Berikutan krisis kewangan Asia, langkah-langkah diambil untuk mempercepat penggabungan sektor perbankan kami bagi mewujudkan institusi yang lebih besar dengan keupayaan yang lebih tinggi bukan sahaja untuk beroperasi secara berkesan dalam sistem kewangan domestik bahkan merentas sempadan negara. Tumpuan utama adalah untuk memberi penekanan pada pelaburan bagi meningkatkan keupayaan mengurus risiko bukan hanya oleh barisan pengurusan tetapi juga lembaga pengarah institusi. Ada

kemungkinan sekatan *artificial* terhadap saiz dan skop boleh menyebabkan risiko sistemik beralih kepada rangkaian institusi lebih kecil dan ini secara kolektif boleh menyebabkan tahap risiko sistemik yang sama.

Ekonomi sedang pesat membangun mempunyai minat yang mendalam dalam arah pembaharuan ini. Bagi ekonomi sedang pesat membangun di Asia, sistem perbankan kekal sebagai komponen sistem kewangan terbesar. Pembaharuan pengawalseliaan dan perundangan secara amnya menumpukan pada tadbir urus yang berkesan dan keupayaan pengurusan risiko yang setara. Di Malaysia, nisbah hutang sistem perbankan adalah kurang daripada 11 kali, manakala nisbah modal wajaran risiko pula pada 14.1%, dengan modal kumpulan 1 pada 13.6%.

Sama pentingnya ialah struktur insentif yang tersedia untuk institusi kewangan sedemikian, tahap ketelusan dan penzahiran, pengawasan berkesan dan bersifat berpandangan jauh oleh pihak berkuasa dan pengaturan keinstitusian untuk mendapatkan penyelesaian berkesan bagi institusi yang bermasalah yang memudahkan jalan keluar secara teratur bagi institusi berkenaan.

Akhirnya, pertimbangan untuk membuat pembaharuan yang wajar seharusnya tidak mengabaikan matlamat utama pengawalan. Perlu disedari bahawa matlamat utama adalah untuk mencapai kestabilan kewangan dengan matlamat akhirnya adalah untuk mencapai pertumbuhan mapan dan kemakmuran bersama. Kos pengawalseliaan yang tinggi dan beban yang bertambah terhadap proses pengantaraan akan memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi dan tidak banyak membantu dalam mengubah tabiat pengambilan risiko yang merupakan penyebab utama krisis. Perlu ada pemahaman dari pelbagai dimensi tentang kesan langkah-langkah yang dicadangkan, termasuk bagaimana ia akhirnya akan mempengaruhi tindak balas institusi. Cabaran untuk membuat penilaian pada peringkat global adalah sukar tetapi tindak balas dasar perlu berjaya mencapai matlamatnya bagi mengelakkan akibat yang tidak diingini yang pada hakikatnya sukar untuk dipulihkan tanpa membebankan sistem kewangan.

Perkara penting kedua yang dibincangkan menekankan bentuk rangka kerja institusi untuk kestabilan kewangan. Isu utama tertumpu pada peranan bank pusat dalam kestabilan kewangan dan sama ada perlunya pihak berkuasa penyeliaan tunggal atau berbilang. Memandangkan bank pusat merupakan pemberi pinjaman terakhir apabila berlakunya sesuatu krisis, bank pusat sentiasa berada di barisan hadapan untuk bertindak bagi mengembalikan kestabilan. Walaupun tiada satu persetujuan umum berhubung dengan struktur optimum fungsi penyeliaan, sistem kewangan diakui semakin kompleks dan saling berkaitan, dan sama ada sesebuah negara menerima pakai model bersepadu atau model yang dikendalikan mengikut sektor, penyelarasan berkesan adalah kritikal untuk menyokong penilaian keseluruhan pendedahan risiko dalam sistem kewangan. Tambahan pula, kemungkinan berlakunya arbitraj pengawalseliaan perlu dielakkan.

Faktor lain yang menyokong bank pusat untuk memainkan peranan fungsi penyeliaan perbankan ialah kecekapan penggunaan maklumat terutamanya dalam pengurusan krisis secara berkesan. Kefahaman yang diperoleh daripada analisis ekonomi dan operasi pasaran yang dibuat oleh bank pusat untuk mencapai objektif dasar monetari juga menyumbang dengan ketara ke arah penyeliaan kewangan berdasarkan maklumat. Ini termasuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai potensi melaksanakan langkah-langkah kehematan makro sebagai sebahagian daripada tindak balas penyeliaan. Struktur penyeliaan yang dipilih perlu membuktikan ia mampu bertindak balas dan berfungsi secara berkesan seiring dengan persekitaran yang pantas berubah. Kapasiti dan keupayaan pihak berkuasa dari segi kaliber, kemahiran dan kepakaran perlu sentiasa dipertingkat seiring dengan perkembangan baharu dan lebih kompleks. Bagi kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun, tenaga kerja mahir terbesar selalunya tertumpu di bank pusat.

Malaysia telah menerima pakai pengaturan keinstitusian dengan tanggungjawab menyelia sektor perbankan dan insurans terletak pada Bank Negara Malaysia. Pengaturan ini telah memberi manfaat yang besar buat Malaysia, tidak kira semasa keadaan normal mahupun semasa krisis. Ini sebagaimana ditunjukkan semasa berlakunya krisis kewangan Asia dan pergolakan pasaran baru-baru ini. Semasa krisis, pengaturan ini telah membolehkan Bank menggunakan dengan pantas pelbagai set kemahiran kritikal, pengalaman dan maklumat yang ada lantas membolehkan keputusan dan tindakan segera diambil. Bank juga telah memanfaatkan proses, struktur dan hubungan dalaman yang sedia ada semasa keadaan normal sebagai sebahagian daripada fungsi penyeliaan bersepadunya.

Kewangan Islam, pertumbuhan dan kestabilan global

Ketika isu yang dinyatakan di atas terus dibincangkan oleh masyarakat antarabangsa, sistem kewangan Islam global terus berkembang dan tidak banyak terjejas. Ini telah menarik minat yang mendalam terhadap kewangan Islam. Kini, kewangan Islam telah berkembang dengan pesat untuk menjadi komponen sistem kewangan antarabangsa yang berdaya maju dan berdaya saing. Susulan krisis kewangan global, perbincangan kini semakin tertumpu pada peranan yang boleh dimainkan oleh kewangan Islam dan sumbangannya terhadap kestabilan kewangan global serta dalam menyokong pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Kewangan Islam adalah berlandaskan Syariah, iaitu undang-undang Islam yang menghendaki urus niaga kewangan Islam diasaskan kepada aktiviti ekonomi sebenar, yang dengan itu memastikan terdapat hubung kait yang erat antara aliran kewangan dengan aliran produktif. Prinsip asas ini merujuk kepada fungsi perbankan asas dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang menambah nilai kepada ekonomi benar. Oleh itu, aliran kewangan dalam kewangan Islam didasari oleh pengembangan aktiviti produktif yang sebenar. Pengaturan sebegini juga mengelakkan pendedahan berlebihan kepada risiko yang berkaitan dengan pengambilan pinjaman yang keterlaluan. Kedua, kewangan Islam adalah berdasarkan pada perkongsian keuntungan dan risiko. Urus niaga kewangan Islam secara jelas mentakrifkan pengaturan pada peringkat permulaan lagi dan memberi insentif untuk institusi kewangan Islam menjalankan usaha wajar (due diligence) yang bersesuaian bagi memastikan keuntungan adalah setimpal dengan risiko yang diambil. Aspek tadbir urus dan pengurusan risiko amat ditekankan dalam pengaturan ini. Khususnya, kontrak sebegini menuntut standard penzahiran dan ketelusan yang lebih tinggi, yang seterusnya memperkukuh disiplin pasaran dan mengurangkan maklumat yang tidak tepat. Terdapat juga tawaran nilai yang jelas dalam kewangan Islam untuk pelabur dan penerbit. Bagi pelabur, produk kewangan Islam menawarkan pelbagai portfolio dan peluang pelaburan baharu dalam kelas aset baharu ini. Bagi penerbit pula, kewangan Islam memberi akses kepada sumber dana dan mudah tunai baharu dan juga pilihan pengurusan risiko yang baharu.

Sebagai sebahagian daripada langkah berterusan untuk memperkuh daya tahan kewangan Islam, Bank Pembangunan Islam (Islamic Development Bank, IDB) dengan kerjasama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) telah menubuhkan Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global pada tahun 2008 untuk mengkaji dan mencadangkan syor tertentu berhubung dengan peranan dan sumbangan kewangan Islam dalam menggalakkan kestabilan kewangan global. Pasukan tersebut juga menggariskan bidang yang akan memperkuat infrastruktur kewangan Islam yang termasuk penyediaan infrastruktur pembangunan bagi pengurusan mudah tunai dan krisis dalam sistem kewangan Islam.

Dalam dekad ini, langkah mengantarabangsakan kewangan Islam secara lebih giat turut diiringi oleh corak baharu kesalinghubungan ekonomi dan kewangan global. Ini jelas dalam hubungan lebih erat antara Asia dengan Timur Tengah dalam pelbagai bidang perdagangan dan pelaburan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Rantau Asia dan Timur Tengah semakin diakui sebagai rantau pertumbuhan yang dinamik dalam ekonomi global. Kedua-dua rantau ini mempunyai sejarah hubungan perdagangan rapat yang semakin berkembang dengan adanya Laluan Sutera lama, yang menjadi penghubung global utama antara tamadun purba Timur dengan Barat sehingga ke abad 14. Kewangan Islam kini telah menggiatkan kembali hubungan ekonomi tersebut menerusi pengukuhan hubungan kewangan antara Asia dengan Timur Tengah, iaitu trend yang akan saling memperkukuh prospek pertumbuhan. Kemunculan pusat kewangan baharu di Asia dan Timur Tengah serta peningkatan integrasi antara kedua-dua pusat itu telah merintis jalan bagi Laluan Sutera Baharu. Ia juga membuka peluang untuk ekonomi maju menjalin hubungan kewangan yang lebih erat dengan rantau pertumbuhan Asia dan Timur Tengah yang dinamik.

Kewangan Islam berada pada kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada Laluan Sutera Baharu memandangkan infrastruktur sokongan telah sedia ada. Rangka kerja pengawalseliaan dan perundangan kewangan Islam yang diperlukan juga telah dirumuskan, bukan sahaja di negara-negara Asia dan Timur Tengah bahkan di peringkat antarabangsa. Usaha untuk menguatkuasakan piawaian kehematan bersama telah mencapai kemajuan yang menggalakkan dengan penubuhan badan penetapan piawaian berhemat iaitu IFSB pada tahun 2002 di Malaysia. Usaha ke arah menyeragamkan tafsiran Syariah dan isu-isu berkaitan dengan pengiktirafan bersama kini berada pada peringkat terakhir untuk dimuktamadkan.

Hari ini, Malaysia mempunyai sistem kewangan Islam yang komprehensif dan maju termasuk sektor perbankan dan takaful yang teguh serta pasaran modal dan pasaran wang Islam yang kukuh dan beroperasi selari dengan sistem konvensional. Pasaran sukuk kami adalah yang terbesar di dunia. Sistem kewangan Islam di Malaysia juga disokong sepenuhnya oleh rangka kerja Syariah, perundangan serta pengawalseliaan yang komprehensif bagi memastikan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan tersebut. Kami juga berusaha membangunkan modal insan bagi memastikan kumpulan tenaga kerja mahir dan pakar adalah mencukupi untuk menyokong pembangunan kewangan Islam. Untuk tujuan ini, Malaysia telah menubuhkan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA) bagi menyokong pendidikan dan penyelidikan lanjutan dalam kewangan Islam.

Dengan industri perkhidmatan kewangan Islam kini lebih maju, yang meliputi institusi kewangan dan pasaran Islam yang dibangunkan dengan baik, inisiatif liberalisasi yang lebih agresif telah dilaksanakan dalam sektor ini bagi mengukuhkan saling hubungan Malaysia dengan pasaran kewangan lain. Ini juga telah diperkukuh oleh liberalisasi selanjutnya terhadap akaun modal imbangan pembayaran dan pelaksanaan langkah cukai yang neutral. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh perdagangan dan pelaburan merentas sempadan melalui kewangan Islam.

Kesimpulan

Izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan memperkatakan mengenai tiga trend utama yang wujud dalam ekonomi dunia dan sistem kewangan antarabangsa. Melangkah ke hadapan, peranan Asia dalam ekonomi global, agenda pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa dan pembangunan serta pengembangan kewangan Islam dilihat sebagai mempunyai pengaruh yang besar terhadap ekonomi dan sistem kewangan global. Sambil kita menghadapi persekitaran yang pesat berkembang, trend baharu ini perlu diberi perhatian dalam membentuk ekonomi global dan aturan kewangan yang jauh lebih baik daripada apa yang kita ada hari ini.

KALENDAR PERISTIWA
Januari – Mac 2010

18 Januari 2010

Bank Negara Malaysia dan Japan International Cooperation Agency (JICA) bersama-sama menganjurkan Program Penasihat-Penasihat Rangkuman Kewangan (Financial Inclusion Advisers, FIA) pada 18-22 Januari di Kuala Lumpur. Program ini menumpukan pada usaha membangunkan modal insan dalam bidang pembiayaan mikro yang mapan dan menyediakan platform bagi pengawal selia dan pengamal pembiayaan mikro untuk berkongsi pengalaman dalam meningkatkan lagi rangkuman kewangan. Dalam ucapan alu-aluannya, Gabenor, Dr. Zeti menyatakan bahawa Malaysia komited untuk memastikan bahawa semua segmen masyarakat terus mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan. Komitmen terhadap agenda rangkuman kewangan terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, yang menetapkan rangkuman kewangan sebagai satu matlamat Bank. Beliau juga memaklumkan bahawa tahap rangkuman kewangan yang luas di Malaysia adalah hasil daripada dasar-dasar yang terancang dalam membina satu sistem kewangan yang mantap, progresif dan inklusif yang telah menyokong keseimbangan pertumbuhan ekonomi negara.

26 Januari 2010

Pada mesyuaratnya yang pertama bagi tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate ,OPR) pada 2.00%. Jawatankuasa Dasar Monetari membuat pernyataan bahawa penunjuk ekonomi terkini menyarankan bahawa ekonomi Malaysia telah berkembang dengan memuaskan pada suku keempat tahun 2009 dan juga pemulihan ekonomi semakin kukuh. Jawatankuasa Dasar Monetari turut menyatakan teras masa hadapan dasar monetari akan kekal akomodatif bagi memastikan bahawa pemulihan ekonomi benar-benar kukuh dan pada masa yang sama dapat membendung ketidakseimbangan kewangan yang mungkin timbul daripada kadar faedah yang sangat rendah pada tempoh yang terlalu lama.

24 Februari, 2010

Bank mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.5% pada suku keempat tahun 2009 dalam keadaan permintaan yang kukuh dari dalam dan luar negeri. Pertumbuhan penggunaan swasta yang mapan dan perbelanjaan sektor awam yang meningkat menyumbang kepada permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Pelaksanaan langkah-langkah rangsangan fiskal terus menggalakkan pada suku tersebut, lantas menambah

lagi rangsangan terhadap pertumbuhan. Prestasi eksport Malaysia memperoleh manfaat daripada peningkatan permintaan luar negeri, khususnya dari ekonomi-ekonomi serantau dan daripada harga komoditi yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang positif, kecuali sektor perlombongan. Bagi tahun tersebut secara keseluruhan, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 1.7%. Kadar inflasi menurun pada kadar tahunan yang lebih sederhana sebanyak 0.2% pada suku keempat.

1 Mac 2010

Dalam ucapannya pada Majlis Syarahan Global Pertama Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan di Frankfurt, Gabenor menyatakan bahawa terdapat tiga trend yang semakin ketara dalam ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa dalam era selepas krisis. Pertama, kepentingan rantau Asia yang semakin meningkat dalam ekonomi global; kedua, pembaharuan yang meluas terhadap pengawalseliaan antarabangsa yang memang dijangkakan oleh masyarakat antarabangsa; dan ketiga, pertumbuhan kewangan Islam dan integrasinya yang pesat dengan sistem kewangan antarabangsa. Beliau menambah bahawa dalam melangkah ke hadapan, trend tersebut mungkin mempunyai pengaruh yang lebih besar terhadap ekonomi dan sistem kewangan global. Oleh itu, trend tersebut perlu diambil kira dalam usaha membentuk ekonomi dan aturan kewangan global yang lebih baik.

3 Mac 2010

Bank Negara Malaysia sekali lagi dianugerahi “Bank Pusat Terbaik dalam Mempromosikan Kewangan Islam” pada Majlis Anugerah Islamic Finance News 2009 di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur. Ini merupakan tahun kelima berturut-turut bagi Bank meraih anugerah tersebut. Tempat kedua dan ketiga masing-masing dianugerahkan kepada Central Bank of Bahrain dan Central Bank of UAE.

4 Mac 2010

Pada mesyuarat keduanya bagi tahun 2010, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 2.25%. MPC mendapati bahawa prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku keempat 2009 mengesahkan bahawa pemulihan ekonomi adalah mantap. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka menjadi lebih kukuh hasil sokongan permintaan dari dalam dan luar negeri yang terus bertambah baik, khususnya dari ekonomi serantau. Berdasarkan prospek ekonomi yang lebih baik ini, MPC memutuskan untuk membuat pelarasan terhadap OPR ke arah mencapai matlamat mengembalikan keadaan monetari kepada kedudukan yang lebih

wajar, dan juga mengelakkan timbulnya risiko ketidakseimbangan kewangan yang boleh menjejaskan proses pemulihan ekonomi negara. MPC menambah bahawa pada kadar OPR baharu ini, pendirian dasar monetari akan kekal akomodatif dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

5 Mac 2010

Berikutan pengumuman Kerajaan untuk memberi perlindungan insurans motor asas bagi kecederaan anggota dan kematian pihak ketiga (third party bodily injury and death, TPBID) semasa Pengumuman Bajet Tahun 2010, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ia bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkenaan dalam merumuskan cadangan bagi skim TPBID baharu ini. Bank akan berbincang dengan pihak berkepentingan yang berkenaan, termasuk persatuan-persatuan pengguna, perdagangan dan perindustrian serta badan profesional untuk mendapatkan maklum balas mereka sebelum mengemukakan cadangan tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

24 Mac 2010

Bank Negara Malaysia mengumumkan penerbitan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran bagi tahun 2009. Pada sidang akhbar berkenaan, Gabenor menyatakan bahawa pelaksanaan langkah rangsangan fiskal yang segera dan dasar monetari yang akomodatif terus menyokong akses kepada pembiayaan bagi sektor isi rumah dan perniagaan. Langkah-langkah tersebut telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi pada separuh kedua tahun 2009. Hasilnya, kadar penguncupan ekonomi negara bagi tahun 2009 hanyalah 1.7% sahaja. Berhubung dengan sistem kewangan, Gabenor menyatakan bahawa kestabilan sistem kewangan Malaysia terus terpelihara sepanjang tahun itu meskipun terpaksa beroperasi dalam persekitaran yang mencabar. Tindak balas dasar yang dilaksanakan pada peringkat awal krisis global telah membantu memelihara kestabilan sistem kewangan negara.

Pada hari yang sama, Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat Negara Anggota ASEAN, China, Jepun dan Korea (ASEAN+3) serta Monetary Authority of Hong Kong, China, mengumumkan bahawa Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (CMIM) mula berkuat kuasa. CMIM ialah perjanjian swap mata wang pelbagai hala yang dirumuskan berdasarkan rangkaian swap dua hala CMI yang sedia ada bagi memudahkan urus niaga swap mata wang segera dan serentak antara negara peserta melalui mekanisme pembuatan keputusan yang sama di bawah kontrak tunggal. Jumlah nilai CMIM semasa adalah sebanyak USD120 bilion.